



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I

Bil. 33

Hari Selasa

24hb Disember, 1991

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992

(Ruangan 46)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 24hb Disember, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

TAMAN NEGARA - GARIS SEMPADAN

1. Datuk David Yeoh Eng Hock minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sebab-sebab kenapa garis batas sempadan Taman Negara tidak dibuat sebelum ini bagi mencegah perbuatan membalak secara haram dan lain-lain perbuatan yang menyalahi;
- (b) bilakah pihak berkuasa dapat menyiapkan kerja-kerja membuat garis batas sempadan itu; dan
- (c) berapa luaskah kawasan Taman Negara yang telah berlaku perbuatan membalak secara haram dalam tempoh setahun lalu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter

Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Garis sempadan Taman Negara memang telah sedia ada semenjak Taman Negara ditubuhkan iaitu pada tahun 1939. Namun demikian papan tanda itu telah hilang ataupun musnah oleh sebab terlalu lama dan juga akibat daripada pembangunan pesat yang dijalankan hingga sampai ke sempadan Taman Negara. Dalam usaha untuk menjaga kawasan Taman

Negara, satu kerja ukur sempadan Taman Negara telah dijalankan dan melibatkan Taman Negara di negeri-negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu meliputi kawasan sepanjang 406 kilometer. Dengan kerja ukur ini batu sempadan baru telah diletakkan pada jarak setiap 100 meter.

Bagi mengawasi kawasan Taman Negara kakitangan telah ditempatkan sepanjang masa untuk meronda kawasan sempadan Taman Negara. Dalam jangka panjang pos-pos kakitangan akan didirikan. Di samping itu juga pembangunan rekreasi yang dilaksanakan di kawasan sempadan Taman Negara akan membolehkan kakitangan melaksanakan kerja-kerja pengawalan Taman Negara dari semasa ke semasa.

- (b) Kerja-kerja ukur sempadan Taman Negara yang telah dimulakan semenjak tahun 1989 dijangka akan dapat diselesaikan pada tahun 1992.
- (c) Memandangkan kecurian kayu balak di Taman Negara dilakukan dengan menggunakan lorong hutan maka tidaklah dapat dipastikan keluasannya. Namun demikian, hasil daripada usaha-usaha untuk membanteras kecurian balak di Taman Negara sebanyak 720 batang balak yang telah dipotong telah dirampas oleh pihak berkuasa berkenaan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, kepada pihak yang telah mencuri balak, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ataupun oleh pihak Kerajaan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengawasan pencurian atau berlakunya kecurian balak di Taman Negara adalah tugas Jabatan Hutan serta juga Pihak Berkuasa di Taman Negara iaitu di bawah Jabatan Perhilitan. Sejak ini, seperti yang saya jawab tadi, kita tidak dapat mengenalpasti atau menahan pencuri tersebut. Maka oleh sebab itu setakat ini Kerajaan belum dapat menghadapkan sesiapa ke Mahkamah untuk diambil tindakan di atas kesalahan mencuri balak di Taman Negara.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan dari Kementerian yang berkenaan. Orang-orang yang mencuri balak ini, adakah mereka melakukannya di waktu malam ataupun di siang hari. Biasanya penebangan balak ini memakan masa, tiap-tiap satu pokok paling kurang 20 minit. Kalau 700 pokok, maknanya kali dengan 20. Masakan dalam tempoh yang begitu panjang, suatu siasatan ataupun tangkapan tidak dibuat. Apa kata, kalau saya katakan bahawa sendiket balak ini terlibat dengan 'buaya-buaya' ataupun 'naga-naga' yang besar yang sukar untuk diatasi?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jawab tadi, kerana pihak yang melakukan pencurian balak ini menggunakan lorong hutan, maka kita tidak dapatlah mengadakan pegawai untuk setiap lorong ini supaya kita dapat menangkap mereka yang sedang berusaha untuk mencuri balak itu. Walau bagaimanapun, saya hendak memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini ialah, pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sudah memulakan satu rancangan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih cepat melalui gambar satelit mengenai tempat di mana berlakunya kecurian balak ini. Dengan gambar-gambar itu maka Kerajaan dapat mengambil tindakan yang lebih laju lagi untuk menangkap pencuri yang berkaitan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hasrat atau tujuan mengadakan Taman Negara ialah untuk memelihara kehidupan liar dan species yang ada. Soalnya adakah Kerajaan bercadang untuk membawa gajah-gajah yang masih ada berhampiran dengan kampung-kampung, terutamanya di kawasan-kawasan FELDA, khususnya di Kota Tinggi di mana saya rasa keadaannya begitu membimbangkan. Adakah usaha daripada Jabatan Hutan ini untuk membawa gajah-gajah ini ditempatkan di Taman Negara itu?

Yang kedua, adakah dengan wujudnya Taman Negara ini ianya akan dijadikan satu pusat kajian oleh Kerajaan untuk menentukan kehidupan liar dan species itu dikekalkan terus di Taman itu serta juga tumbuhan-tumbuhan supaya tidaklah berlaku kecurian balak seperti sekarang?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Jawapannya ialah ada. Memang kita ada rancangan untuk memindahkan gajah-gajah dari kawasan di mana gajah-gajah itu memusnahkan tanaman atau sebagainya dan memasukkannya ke dalam Taman Negara supaya kita boleh mengawasi binatang ini.

PINJAMAN PERUMAHAN/KENDERAAN KEPADA
KAKITANGAN KERAJAAN - JUMLAH

2. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kewangan menyatakan
 - (a) berapakah jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada kakitangan Kerajaan hingga sekarang yang masih belum dibayar balik; dan

- (b) adakah pinjaman ini menjadi bebanan terhadap aliran wang Kerajaan. Jika benar, mengapakah tidak pihak Kerajaan swastakan pinjaman seperti untuk membeli rumah dan motorkar sepenuhnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin

Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua.,

- (a) Sehingga akhir tahun. 1990, Bahagian Pinjaman Perumahan, Kementerian Kewangan, telah mengeluarkan sebanyak 310,365 pinjaman yang bernilai kira-kira \$15.6 ribu juta kepada kakitangan Kerajaan. Daripada jumlah tersebut, amaun yang belum dibayar balik adalah kira-kira sebanyak \$9.6 ribu juta.
- (b) Memandangkan jumlah pinjaman yang terlibat begitu besar, sememangnya pinjaman ini merupakan bebanan kepada aliran wang Kerajaan. Akan tetapi ianya adalah merupakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan memandangkan kemudahan pinjaman perumahan adalah salah satu daripada kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan kepada kakitangannya. Buat masa ini, Kerajaan sedang mengkaji beberapa pilihan bagi mengurangkan bebanan tersebut, termasuklah pilihan untuk menswastakan pinjaman perumahan Kerajaan. Walau apa-apa jua pun pilihan yang dilaksanakan kelak, kakitangan Kerajaan akan terus menikmati syarat-syarat pinjaman yang sedia ada dengan kadar faedah sebanyak 4% setahun.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kenaikan gaji kepada pegawai Kerajaan dan juga perubahan atas saraan kepada Ahli-ahli Parlimen, adakah Kerajaan atau Kementerian Kewangan bercadang untuk menaikkan kadar pinjaman kepada pegawai dan anggota Parlimen?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh Kerajaan ialah apabila semakan dibuat terhadap had-had kelayakan pinjaman kepada kakitangan Kerajaan, biasanya ianya diikuti oleh kenaikan dalam harga rumah. Oleh itu, maka Kerajaan sentiasa berhati-hati sebelum meminda peraturan-peraturan sekarang berkaitan dengan had kelayakan pinjaman perumahan. Walau bagaimanapun, saranan Ahli Yang Berhormat untuk mengkaji semula had ini akan diambil perhatian oleh Kerajaan.

RAKYAT ASING - PERMOHONAN UNTUK KEWARGANEGARAAN

3. **Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah rakyat asing yang tinggal di negara ini yang memohon untuk menjadi warganegara Malaysia semenjak negara mencapai kemerdekaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, sejak merdeka hingga 30hb November, 1991, seramai 2,402,462 orang telah memohon untuk menjadi warganegara Malaysia.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam bilangan yang sebanyak itu, dari manakah orang-orang ini datang - sama ada mereka ini dilahir di Malaysia ataupun datang daripada luar negeri?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini bercampur-campur, sama ada mereka datang dari luar negeri atau dilahir di sini dan mereka semua ini telah mula menetap di Malaysia sebelum atau sesudah merdeka.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi mereka yang telah diterima menjadi warganegara Malaysia, adakah mereka ini sepenuhnya menunjukkan ketaatan kepada negara ini? Jangan dia jadi rakyat di sini tetapi ketaatannya kepada negara asalnya. Adakah atau tidak?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hanya meluluskan kerakyatan kepada mereka yang taatsetia kepada negara. Kalau tidak taat, mereka tidak akan dapat kelulusan. Sekiranya siapa juga yang menjadi warganegara yang melakukan sebarang tindak-tanduk yang didapati bercanggah dengan undang-undang ataupun tidak bertaatsetia, maka kerakyatannya terus akan dilucutkan. Jadi, tidak timbul langsung soal warganegara yang menetap di sini yang tidak taatsetia kepada negara.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila seseorang memohon kerakyatan untuk menjadi warganegara, berapa lamakah masanya yang Jabatan Pendaftaran Negara mengambil untuk memanggil si-pemohon itu untuk temuduga?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jenis permohonan itu berbeza-beza yang mengikut perkara tertentu di bawah Perlembagaan dan juga itu tergantung kepada butir yang dikemukakan itu sama ada lengkap atau tidak dan terpulang kepada secepat dan selengkap mana seseorang pemohon itu menjawab query daripada Jabatan Pendaftaran Negara, maka tidak dapat kita menetapkan satu tempoh yang tertentu. Kalau semuanya beres dalam 2-3 bulan pun ada permohonan dapat disempurnakan manakala ada juga yang mengambil beberapa tahun. Itu semua terpulang kepada sejauhmana mereka dapat melengkapkan butiran.

Tuan Hg Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada bilangan permohonan yang begitu besar, iaitu 2.4 juta pemohon ini, berapa ramai orang yang telah mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri? Sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa oleh kerana ada setengah-setengah pemohon ini yang tidak dapat dihubungi, maka permohonan mereka tidak dapat dipertimbangkan, adakah ini benar?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, daripada sejumlah kira-kira 2.4 juta permohonan itu, sebanyak kira-kira 95% telahpun diluluskan, iaitu kira-kira 2.274 juta. Bagi mereka yang tidak dapat dihubungi, bukan dikatakan permohonan itu tidak dapat ditimbang, cuma permohonan itu tidak lengkap. Apabila seseorang pemohon dikehendaki mengemukakan sesuatu maklumat yang lebih lanjut dan kalau Jabatan Pendaftaran Negara tidak dapat menghubungi

seseorang itu, maka permohonannya tidak akan dapat diproses dengan lengkap. Maka pemohon itu kena tunggu lama sehingga dapat beres. Jadi, bukan dikatakan tidak boleh timbang, cuma tidak lengkap dan masih menunggu masa.

PEMBANTU RUMAH ASING - PEMERIKSAAN KESIHATAN

4. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan telah mengenalpasti pembantu rumah dari negara-negara jiran yang masuk ke negara ini tidak mempunyai penyakit yang berjangkit seperti AIDS dan sebagainya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya telah menetapkan peraturan kepada semua pembantu rumah asing yang telah dibawa masuk ke negara ini dimestikan terlebih dahulu menjalani pemeriksaan kesihatan. Tujuannya ialah untuk memastikan mereka yang dibawa masuk bebas daripada penyakit dan berjangkit seperti AIDS dan sebagainya.

PERLINDUNGAN TARIF DAN KEMUDAHAN GSP

5. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah syarikat sehingga ini yang mendapat perlindungan tarif dan jenis perniagaan yang dijalankan;
- (b) apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi industri dalam negeri yang terlibat dalam kemudahan GSP dan sampai bilakah Malaysia mesti bergantung terus atas kemudahan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memberi perlindungan tarif kepada sesuatu industri dan bukan kepada sesuatu syarikat. Sekiranya perlindungan tarif diberikan kepada sesuatu industri maka semua syarikat di dalam industri tersebut akan dapat menikmati perlindungan. berkenaan.

Mengenai jenis perniagaan yang dilindungi, untuk makluman Yang Berhormat perlindungan tarif adalah diberikan kepada industri pembuatan yang layak dan telah menunjukkan bahawa misalnya ia menghadapi persaingan daripada barangan import yang seumpama dan persaingan ini telah menjejaskan industri tersebut. Walaupun demikian, perlindungan hanya akan diberikan sekiranya industri tersebut mempunyai ciri-ciri seperti keupayaan membekalkan pasaran tempatan, barangan bermutu, penggunaan bahan mentah tempatan, tingkat teknologi dan nilai ditambah.

Rancangan Kerajaan untuk menentukan supaya industri dalam negeri dapat bersaing di pasaran luar negeri tanpa bergantung terus kepada kemudahan skim GSP ialah:

- (i) meneruskan rancangan pembangunan perindustrian dengan tumpuan kepada tambahan nilai (value added);
- (ii) meneruskan dasar pembangunan perindustrian yang berorientasikan eksport supaya pengeluaran mencapai tahap economies of scale, dengan izin, untuk pasaran antarabangsa;
- (iii) mempertingkatkan misi-misi perdagangan untuk menerokai pasaran-pasaran baru;
- (iv) memperkuat hubungan perdagangan di kalangan negara-negara serantau; dan
- (v) sentiasa mengingatkan pihak swasta supaya tidak bergantung kepada GSP akan tetapi harus menggunakan kaedah pasaran (marketing principles) untuk pasaran antarabangsa.

Mengikut syarat-syarat beberapa skim GSP, negara-negara penerima GSP yang telah mencapai tahap persaingan yang tinggi boleh dikeluarkan daripada skim tersebut. Dalam hal ini, Malaysia telah ditafsirkan hampir-hampir sampai ke tahap persaingan dan mungkin bila-bila masa akan dikeluarkan dari skim GSP ini. Negara-negara pemberi GSP juga membuat kajian semula atau, dengan izin, general

review skim-skim GSP dari masa ke semasa dan akan mengeluarkan negara-negara yang telah mencapai peringkat pembangunan ekonomi yang tertentu. Kemungkinan besar hanya negara-negara yang mundur sahaja akan terus mendapat kemudahan skim GSP di dalam kajian semula tersebut.

Selagi Malaysia belum dikeluarkan dari skim GSP, ianya akan terus layak menggunakan kemudahan skim GSP.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menjelaskan di dalam Dewan ini apakah jenis-jenis industri yang mendapat perlindungan tarif daripada Kerajaan kita?

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jenis-jenis industri yang sedang menggunakan skim GSP ini ialah barangan yang dibuat daripada getah seperti rubber gloves dan rubber thread, serta barangan seperti baby dolls, tekstil dan sebagainya.

SYARIKAT JAMINAN KREDIT (CGC) - SKIM PINJAMAN

6. **Tuan Dol bin Dollah** minta Menteri Kewangan menyatakan;
 - (a) nama-nama bank di negara ini yang diarahkan oleh Kerajaan menguruskan CGC dan dengan cara apakah orang ramai boleh secara mudah mengurus dengan bank-bank berkenaan kerana didapati sekarang pihak bank-bank yang mengendalikan CGC ini tidak pernah membuat pengumuman kepada orang ramai;

- (b) jumlah sebenar pinjaman yang boleh dibuat oleh peniaga-peniaga kecil bumiputera melalui CGC dan adakah pinjaman-pinjaman berbentuk membantu bumiputera ini diseragamkan; dan
- (c) selain daripada bank-bank tempatan yang telah diarahkan menguruskan CGC ini, adakah lain-lain institusi kewangan telah diarah berbuat demikian; jika ada, sila nyatakan institusi-institusi berkenaan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Jaminan Kredic (CGO) telah ditubuhkan dalam tahun 1972 untuk membantu peniaga dan pengusaha kecil yang kekurangan cagaran untuk mendapatkan kemudahan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan.

Pada masa ini, terdapat 3 skim pinjaman yang dijamin oleh Syarikat Jaminan Kredit. Skim-skim itu adalah seperti berikut:

- (i) Skim Jaminan Utama;
- (ii) Tabung Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil; dan
- (iii) Skim Pinjaman Khas Persatuan.

Skim Jaminan Utama telah diperkenalkan dalam tahun 1989 untuk membantu usahawan-usahawan kecil yang mempunyai harta bersih atau kumpulwang pemegang saham sehingga \$500,000. Skim ini disertai oleh kesemua 38 buah bank perdagangan di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 1991, sebanyak 9,955 pemohon dengan nilai pinjaman berjumlah \$554.7 juta telah diluluskan di bawah skim ini berbanding dengan bilangan pemohon sebanyak 7,020 dengan nilai sejumlah \$373.3 juta pada akhir tahun lalu.

Tabung Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil pula telah dilancarkan pada bulan April 1990. Pemohon di bawah skim ini boleh memohon sehingga \$5,000 dengan kadar faedah sebanyak 4% setahun. Ia dilaksanakan oleh 8 buah bank iaitu:

- (i) Bank Bumiputera Malaysia;
- (ii) Malayan Banking;
- (iii) United Malayan Banking Corporation;
- (iv) Kwong Yik Bank;
- (v) Perwira Habib Bank;
- (vi) Public Bank;
- (vii) Hock Hua Bank; dan
- (viii) Sabah Bank.

Sejak dilancarkan dalam bulan April tahun lalu hingga 31 Oktober tahun ini, sebanyak 3,427 permohonan dengan nilai \$12.3 juta telah diluluskan di bawah skim ini.

Skim Pinjaman Khas Persatuan pula telah dilancarkan pada bulan Julai 1990. Skim ini mengeluarkan pinjaman tanpa faedah sehingga \$2,000 tetapi akan dikenakan bayaran perkhidmatan sebanyak \$50.00 bagi pinjaman tidak melebihi \$1,000 dan \$80.00 bagi pinjaman melebihi \$1,000.

Sejak dilancarkan dalam bulan Julai tahun lalu sehingga 31hb Oktober tahun ini sebanyak 4,407 permohonan telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak \$8.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dinafikan bahawa bank-bank yang terlibat dalam skim-skim pinjaman yang disebutkan tadi kurang membuat publisiti kepada orang ramai mengenai skim-skim pinjaman yang diuruskan oleh mereka dan dijamin oleh Syarikat Jaminan Kredit. Bagaimanapun, Syarikat Jaminan Kredit dari masa ke semasa membuat penerangan di seluruh negara khususnya dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan perniagaan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. Adakah benar bahawa kebanyakan daripada peminjam-peminjam CGC ini tidak minat ataupun enggan membayar balik segala pinjaman yang dibuat melalui CGC. Ini telah menyebabkan bank-bank mengelakkan diri daripada terlibat dengan pinjaman CGC. Adakah ini benar?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar ada di antara peminjam-peminjam yang enggan membayar pinjaman mereka. Ini masalah biasa, dan kadang-kadang ia berkaitan dengan kegagalan di dalam perniagaan. Ianya bukan merupakan masalah luar biasa, tetapi masalah kegagalan membayar balik pinjaman ini merupakan satu masalah yang dihadapi juga oleh peminjam-peminjam di bawah skim-skim lain bukan sahaja di bawah Skim Jaminan Kredit. Dalam

pada itu walaupun skim ini ada yang enggan membayar balik, Kerajaan akan terus memastikan bahawa Syarikat Jaminan Kredit akan membantu usahawan atau peniaga kecil bumiputera.

SIMEN - KEKURANGAN BEKALAN

7. Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah sebabnya negara kita menghadapi masalah kekurangan simen; dan
- (b) apakah sebab utama menyebabkan kekurangan bahan tersebut dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

30.12.91

24. Tuan Neo Tuan Cheng minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab bahawa setakat ini kita masih menghadapi masalah kekurangan simen dalam negara; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan simen di dalam negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Neo Tuan Cheng bertarikh 30.12.91 memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh mengenai masalah kekurangan simen;

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kekurangan bekalan simen berpunca daripada peningkatan permintaan luar jangka ke atas simen yang melebihi keupayaan pengeluaran khususnya dalam bulan-bulan Mei, Jun, Julai dan Ogos tahun ini. Bulan-bulan tersebut merupakan musim panas bagi negara kita dan kebanyakan kontraktor perumahan dan binaan berlumba-lumba menyiapkan projek mereka sebelum musim hujan tiba pada bulan Oktober, November dan Disember. Faktor-faktor lain yang menyebabkan kekurangan bekalan simen di dalam negeri pada tahun ini adalah seperti berikut:

- (i) permintaan yang meningkat berikutan pertumbuhan ekonomi negara dan pertumbuhan pesat industri pembinaan sejak 3 tahun yang lalu. Penggunaan simen meningkat sebanyak 30% daripada 4.3 juta metrik tan dalam tahun 1989 kepada 5.6 juta metrik tan dalam tahun 1990 dan dijangka meningkat sebanyak 19.6% kepada 6.7 juta metrik tan pada tahun 1991. Di samping itu keupayaan pengeluaran bagi tempoh yang sama juga meningkat sebanyak 23% daripada 4.0 juta metrik tan kepada 5.9 juta metrik tan dan dijangka meningkat sebanyak 15.3% kepada 6.8 juta metrik tan pada tahun ini.

- (ii) berlakunya kerosakan mesin pengisar di luar jangkaan selain, daripada pemberhentian sementara pengeluaran kerana kerja-kerja penyelenggaraan. Kekurangan ketara berlaku apabila lebih daripada satu kilang simen memberhentikan pengeluaran pada masa yang sama akibat kerosakan di luar jangkaan;

- (iii) terdapat juga pihak-pihak tertentu yang menyimpan simen yang berlebihan dengan tujuan untuk mendapat keuntungan yang lebih;
- (iv) kekurangan di setengah-setengah tempat adalah disebabkan kekurangan kenderaan dan masalah pengangkutan serta sistem pengedaran yang menyebabkan kelewatan untuk membawa bekalan ke destinasi-destinasi tertentu, dan keadaan ini banyak berlaku di Sabah dan Sarawak;
- (v) setengah-setengah pemaju binaan mempunyai rekod pembayaran belian yang tidak baik dan dengan itu sukar mendapat bekalan simen;
- (vi) selain daripada itu, beberapa pihak telah mengeksport simen ke negara jiran kerana tawaran harga yang lebih;
- (vii) kekurangan simen di Sabah dan Sarawak adalah juga kerana masalah bekalan clinker kepada kilang-kilang simen di kedua-dua negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan bekalan simen dalam negeri adalah seperti berikut:-

(a) Bagi langkah-langkah jangka pendek:-

- (i) mulai 15.8.1991 sehingga 31hb Disember tahun ini Kerajaan membenarkan simen diimport tanpa duti. Sehingga ini lebih kurang 25,656 metrik tan simen telah diimport. Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan kekurangan bekalan simen daripada menjejaskan projek-projek pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara;
- (ii) pengeksportan simen disekat kecuali kontrak jualan antara Kerajaan dengan Kerajaan atau, dengan izin, Government-to-Government. Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan pengaliran simen keluar negara;
- (iii) pengeluar-pengeluar simen telah diarah beroperasi 24 jam dengan pengawasan penuh oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian; dan
- (iv) Pegawai-pegawai Penguatkuasa telah mempertingkatkan aktiviti membanteras penyelewengan termasuk anti-sorok.

- (b) Bagi langkah-langkah jangka panjang pula, tindakan berikut sedang diambil:-
- (i) pengeluar-pengeluar tempatan digalakkan. mempertingkat dan menambahkan, pengeluaran. Pada tahun 1992/1993, pengeluar-pengeluar tempatan akan meningkatkan kapasiti pengeluaran. sebanyak 1.0 juta metrik tan lagi. Pada tahun 1994/1995 pengeluar juga telah membuat perancangan untuk menambahkan pengeluaran sebanyak 1.1 juta metrik tan lagi;
 - (ii) Kerajaan sedang menimbangkan permohonan daripada beberapa buah syarikat asing dan tempatan untuk mendirikan kilang-kilang yang baru;
 - (iii) Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sedang mempertimbangkan cadangan untuk mendirikan kilang-kilang clinker untuk bekalan kepada kilang-kilang simen di negeri-negeri tersebut;
 - (iv) perlindungan dari segi duti import industri simen akan dikaji semula;
 - (v) mengadakan perbincangan yang lebih kerap dengan pengeluar simen supaya langkah awal boleh diambil untuk mengatasi masalah pengeluaran dan pengedaran simen sebelum ianya menjadi kritikal. Sehubungan dengan ini Kementerian telahpun menubuhkan satu panel mengenai bahan-bahan binaan yang dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan dan swasta bagi membincang dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan. pengeluaran dan permintaan barang-barang binaan. Panel ini akan mula bergerak pada awal tahun hadapan.

ALAT PENGGELAP CERMIN KENDERAAN - LESEN

8. **Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) kenapa pekedai-pekedai diberi lesen untuk membeli dan menjual alat-alat bagi menggelapkan cermin kereta di Malaysia;
- (b) berapa jumlah hasil daripada saman dikeluarkan kepada kereta cernin gelap di seluruh Malaysia, dan berapa harga alat pengesan cermin gelap bagi satu unit dan berapa banyak yang telah dibeli. oleh Kerajaan; dan
- (c) adakah berkemungkinan Kerajaan Malaysia memberi lesen kepada sesiapa yang memakai cermin gelap pada keretanya. Tidakkah ini menambahkan lagi sumber hasil Kerajaan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pekedai-pekedai tidak boleh disekat untuk membeli dan menjual alat-alat bagi menggelapkan cermin kereta kerana terdapat jeais-jenis kenderaan dan bahagian-bahagian cermin kenderaan yang dibenarkan untuk digelapkan seperti tingkap tepi semua jenis bas, kecuali bas mini, bas kilang dan bas sekolah. Begitu juga bahagian atas cermin depan

semua kenderaan boleh digelapkan dengan lebar kawasan yang digelapkan tidak melebihi $\frac{1}{5}$ atau 25% daripada keseluruhan keluasan cermin tersebut. Alat-alat pengelap cermin itu juga boleh digunakan kepada mana-mana kenderaan yang mendapat kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan. atas alasan-alasan keselamatan dan kesihatan

- (b) Sehingga bulan Oktober 1991, jumlah hasil daripada saman yang dikeluarkan, pada kereta yang didapati melakukan kesalahan memasang cermin gelap di seluruh Malaysia adalah \$0.5 juta. Jumlah tersebut adalah hasil daripada kutipan kompaun dan denda di atas 5,248 kes cermin gelap semenjak ianya mula dikuatkuasakan iaitu pada bulan Februari 1991. Pada masa ini, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan telah membeli sebanyak 59 unit alat pengukur cermin gelap dengan harga \$4,500 seunit.
- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk memberi lesen kepada sesiapa yang memasang cermin gelap pada keretanya atas alasan-alasan keselamatan dan kawalan-kawalan penguatkuasaan yang sukar dilaksanakan. Kementerian Pengangkutan boleh meluluskan tanpa mengeluarkan lesen kepada mana-mana individu yang dipersetujui memasang cermin gelap atas alasan keselamatan dan kesihatan untuk mengelakkan dari pancaran cahaya matahari.

DASAR LUAR NEGERI SELARAS DENGAN WAWASAN 2020

9. **Puan Hajjah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan garis dasar luar dan peranan negara dalam arena politik antarabangsa era Wawasan 2020.

Timbalan Menteri Luar negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pencapaian matlamat-matlamat Wawasan 2020 memerlukan pertumbuhan ekonomi yang berterusan serta tahap yang tertentu. Sebagai sebuah negara yang mempunyai pasaran dalam negeri yang kecil, Malaysia perlu dan mesti memperluaskan pasaran di peringkat antarabangsa bagi barangan dan perkhidmatan dari Malaysia. Pelancongan perlu juga digalakkan dengan lebih luas. Demikian juga usaha-usaha untuk menggalak pelaburan dari luar negeri perlu dipertingkatkan. Semua ini menunjukkan bahawasanya Malaysia perlu memperluas dan mempertingkatkan hubungan dengan dunia luar.

Sehubungan dengan ini, dasar luar negeri kita perlulah sentiasa dinamik dan pro-active, dengan **izin**, dan hubungan dua hala dengan negara-negara lain akan dipertingkatkan supaya menjadi lebih substantive, dengan **izin**. Begitu juga kita perlu mengambil peranan lebih aktif di pertumbuhan-pertumbuhan antarabangsa terutamanya pertumbuhan-pertumbuhan Selatan seperti G-15, G-77 dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM). Bersama-sama dengan negara-negara jiran dan negara-negara lain yang mempunyai hasrat yang sama, kita akan, berusaha untuk mempengaruhi supaya perkembangan ekonomi dan perdagangan antarabangsa tidak menjejaskan kepentingan negara dan rantau kita, Ini akan kita usahakan melalui ASEAN dan kumpulan-kumpulan serantau seperti EAEC.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA - KEUTAMAAN

10. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Kewangan menyatakan banyak kontraktor bumiputera dalam serba kekurangan jika dibandingkan dengan kontraktor bukan-bumiputera dan tidakkah patut bagi Kerajaan merumuskan beberapa kemudahan lagi kepada pemborong-pemborong bumiputera seperti memberi peluang dalam mana-mana tawaran terbuka; misalnya jikalau tawaran daripada bumiputera 5% lebih tinggi daripada pemborong bukan-bumiputera, projek itu seharusnya diberi kepada bumiputera.

*

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai dasar memberi keutamaan kepada kontraktor bumiputera sama ada dalam kontrak pembinaan, pembekalan ataupun perkhidmatan. Keutamaan yang diberikan kepada kontraktor bumiputera adalah seperti berikut:-

Bagi kontrak-kontrak kerja, 30% daripada nilai kerja-kerja binaan selain daripada kerja-kerja yang dijalankan sendiri oleh Jabatan Kerja Raya dan lain-lain jabatan Persekutuan dan Negeri dikhasakan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera.

Bagi baki 70% daripada kerja-kerja itu, kontraktor bumiputera boleh mengambil bahagian dalam pelawaan tender atau sebutharga tetapi dengan tidak diberi apa-apa keutamaan harga.

Bagi kerja-kerja yang nilainya kurang daripada 350,000, ianya hendaklah dijalankan oleh kontraktor Bumiputera sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perolehan barang-barang dan perkhidmatan yang nilainya \$50,000 ke bawah, keutamaan harga

sebanyak 10% adalah diberikan kepada bumiputera.

Bagi perolehan barang-barang dan perkhidmatan yang perbelanjaannya melebihi \$50,000 sehingga \$100,000, keutamaan harga sebanyak 7 1/2% adalah diberikan kepada bumiputera.

Bagi perolehan barang-barang dan perkhidmatan yang perbelanjaannya melebihi \$100,000 sehingga \$1 juta, keutamaan harga sebanyak 5% adalah diberikan kepada kontraktor bumiputera.

Bagi perolehan barang-barang dan perkhidmatan yang perbelanjaannya melebihi \$1 juta hingga \$5 juta, keutamaan harga sebanyak 2% adalah diberikan kepada kontraktor bumiputera.

INSTITUT PENGURUSAN MALAYSIA - BILANGAN PELAJAR

11. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan peserta-peserta yang sudah lulus mengikuti kursus di Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia dan Institut Pengurusan Malaysia (MIM) yang berpusat di Institut Teknologi MARA di dalam tiga tahun yang lalu. Dari bilangan tersebut, adakah Kerajaan mengetahui bilangan yang berjaya di dalam perniagaan mereka.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Pengurusan Malaysia (MIM) adalah menjalankan kursus-kursus peringkat Diploma dan Sarjana di premis MIM sendiri. Bilangan pelajar MIM yang telah lulus adalah seperti berikut:-

(i) **Program Diploma:**

1989 - 215 orang;

1990 - 153 orang; dan

1991 - 320 orang.

(b) **Program MBA (Master of Business Administration):**

1989 - tiada;

1990 - 32 orang; dan

1991 - 28 orang.

Adalah sukar untuk mengetahui bilangan pelajar lulusan MIM yang berjaya di dalam pemiagaan mereka kerana MIM bukanlah di bawah Kementerian Pendidikan.

PROJEK PERUMAHAN YANG TERBENGKALAI

12. **Tuan Chong Chi Sioug** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) berapa projek perumahan terbengkalai yang telah dibaik-pulih sejak 'rescue plan' dijalankan;
- (b) berapa modal yang dicurahkan atas 'rescue plan' setakat ini; dan
- (c) berapa banyak lagi projek perumahan yang masih terbengkalai setakat ini dan beri sebabnya.

30.12.91

41. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah projek terbengkalai yang telah dipulihkan setakat ini di Perak, nyatakan projek-projek tersebut; dan
- (b) jumlah yang dikeluarkan oleh TPP untuk memulihkan projek-projek terbengkalai seluruh negara setakat ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan pertanyaan bertarikh 30.12.91 yang dikemukakan oleh Tuan K. Munisamy.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebanyak 127 projek perumahan swasta yang terbengkalai telah dibaikpulis sejak 'rescue plan' dijalankan sehingga 30hb Jun, 1991. Daripada 127 projek yang telah dibaikpulis, 24 projek adalah dari negeri Perak. Setakat ini jumlah modal yang telah dikeluarkan atas 'rescue plan' tersebut tidak dapat dipastikan. Ini adalah kerana 'rescue plan' tersebut melibatkan banyak agensi seperti Tabung Projek Perumahan Terbengkalai (TPPT), Tabung Pembangunan Usul awan (TPU), institusi-institusi kewangan. dan juga pihak-pihak lain.

Walau bagaimanapun, sehingga 1hb Oktober, 1991, Tabung Projek Perumahan Terbengkalai (TPPT) telah meluluskan pinjaman sebanyak \$247.8 juta bagi memulihkan 80 projek perumahan swasta di seluruh negara.

Untuk tempoh masa, yang sama masih terdapat sebanyak 235 projek perumahan swasta yang masih terbengkalai atas sebab-sebab yang berikut:

- (i) pemaju menghadapi masalah kewangan untuk meneruskan projek;
- (ii) pemaju tidak mempunyai keupayaan dan pengalaman dari segi pengurusan dan pentadbiran projek;
- (iii) sikap tidak bertanggungjawab;
- (iv) penggulungan syarikat pemaju; dan
- (v) pertikaian dengan tuan tanah.

GEBAKAN-GERAKAN REFERENDOM DI SABAH - LANGKAH MEMBANTERAS

13. **Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk membanteras gerakan-gerakan yang meminta diadakan Referendum di Sabah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengawasi tindak-tanduk semua badan-badan politik, pertubuhan-pertubuhan atau orang-orang perseorangan yang terlibat dengan isu referandum ini. Jika didapati tindak-tanduk mereka ini bertentangan dengan peruntukan undang-undang negara, atau boleh menimbulkan syakwasangka dan perpecahan di kalangan rakyat di negara ini, maka Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan untuk membanterasnya.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyak desas-desus mengatakan bahawa seorang pemimpin di negeri Sabah yang mengetuai referandum ini. Kenapakah Kerajaan tidak bertindak?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya satu laporan Polis telahpun diterima pada Ogos, 1991 di Kota Kinabalu dan kes ini masih di dalam siasatan Polis. Jadi, soal pihak berkuasa tidak bertindak itu adalah tidak betul. Sebenarnya, Polis belum selesaikan siasatan.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih, oleh kerana perkara ini bukan perkara baru dan telah agak lama dan perkara ini pernah disuarakan di dalam Perhimpunan Kongres Parti PBS baru-baru ini, dan juga di dalam surat-khabar. Jadi, saya berharap perkara ini tidak harus dilambatkan kerana ia boleh menjadikan perpecahan ataupun salah wasangka di antara rakyat Sabah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada solan.

PENDATANG HARAM DIGERAI MAKANAN

14. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah Kementerian Kesihatan sedar bahawa sekarang ini terdapat ramai pendatang-pendatang haram atau buruh-buruh asing yang bekerja dalam industri makanan (kilang makanan, restoran dan sebagainya); dan
- (b) apakah buruh-buruh asing ini diperiksa atau diberikan suntikan-suntikan tertentu untuk mengelakkan penyiaran penyakit berjangkit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]:

Tuan Yang di-Pertua bagi soalan:

- (a) Kementerian Kesihatan sedar bahawa terdapat pendatang-pendatang haram atau buruh-buruh yang bekerja di gerai-gerai makanan, restoran dan sebagainya dari masa ke semasa.
- (b) Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah yang sama sepertimana yang diambil terhadap pekerja-pekerja tempatan iaitu untuk memberi perkhidmatan pemeriksaan kesihatan, termasuk memberi suntikan kepada buruh-buruh asing yang didapati bekerja di gerai-gerai makanan, restoran dan sebagainya.

LESEN RADIO/TV - PEMANSUHAN KERANA BAYARAN IKLAN TINGGI

15. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah beliau bersetuju bahawa RTM berjaya mengutip bayaran iklan yang tinggi dan pengiklan-pengiklan bersetuju mengiklankan barangan mereka kerana adanya pendengar dan penonton; dan
- (b) jika bersetuju apakah Kerajaan tidak bercadang memansuhkan lesen Radio dan Televisiote sebagai ganjaran kepada pendengar dan penonton.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jeffrey]:

Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan:

- (a) Pengiklan-pengiklan melalui RTM sanggup membayar kadar-kadar yang ditetapkan oleh RTM oleh kerana kepercayaan mereka terhadap rancangan-rancangan yang disiarkan dapat mendorong bilangan penonton dan pendengar yang ramai

walaupun kadar-kadar yang digunakan oleh RTM adalah sederhana. Namun demikian, hasil yang dikutip oleh RTM dijadikan sebahagian daripada hasil Kerajaan.

- (b) Kementerian belum lagi bercadang untuk memansuhkan lesen television. Ini adalah kerana perbelanjaan yang ditanggung oleh Kementerian melalui Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan. Pembangunan adalah tinggi berbanding dengan hasil yang dikutip.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya memaklumkan disini bahawa bayaran lesen sebanyak \$24.00 yang dikenakan kepada setiap pengguna television adalah di antara yang paling rendah di dunia dan ianya tidak membebankan rakyat. Hasil yang dikutip daripada lesen-lesen tersebut juga menjadi sebahagian daripada hasil Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah memansuhkan semua jenis lesen radio mulai daripada 1hb Januari, 1991 supaya lebih ramai daripada masyarakat kita dapat mendengar berita-berita yang terkini secara luas khasnya di luar bandar dan oleh keluarga-keluarga yang tidak mampu membeli peti television iaitu selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang bermaklumat dan untuk mengurangkan jurang di antara masyarakat.

RTM - PENULIS SKRIP DAN PENGARAH DRAMA YANG BERMUTU

16. **Puan Aion binti Ariffin** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada drama swasta dalam RTM dapat mencapai serampang dua mata iaitu membanyakkan penulis skrip dan pengarah drama yang bermutu serta menyedarkan penonton TV tentang hasrat Kerajaan untuk memajukan negara sebagai Wawasan 2020.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, drama-drama yang disiarkan melalui kaca TV oleh RTM merupakan berbagai tajuk. Syarikat-syarikat swasta yang menyediakan drama-drama tersebut haruslah peka kepada dasar-dasar Kerajaan dan juga keadaan sekeliling di bandar dan di luar bandar supaya isi kandungannya dapat mengaitkan berbagai aspek dalam penghasilan sesuatu drama.

'Finished product, dengan izin, seperti drama haruslah mempunyai nilai-nilai profesionalisma supaya dapat diterima dan disiarkan oleh RTM.

RTM sebagai satu badan Kerajaan memberi pandangan, nasihat serta panduan-panduan dalam menyediakan skrip dan story line, dengan izin, supaya drama mereka dapat mencapai ciri-ciri yang objektif dan membawa mesej-mesej tertentu yang dapat membuka mata dan memberi kesedaran kepada penonton drama di samping memberikan hiburan kepada mereka. Ini termasuk gambaran corak kehidupan yang perlu di dalam mencapai hasrat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kuantiti drama yang disediakan oleh pihak swasta telah bertambah, tetapi kualitinya amat berbeza-beza dan ada di antaranya di bawah paras memuaskan, walaupun telah banyak yang memuaskan. Penyediaan drama-drama yang berkualiti bergantung kepada proses pengalaman yang telah dilalui oleh production house, dengan izin, sendiri serta penulis-penulis skrip, pengarah dan penerbit-penerbit drama. Ini memerlukan masa yang panjang.

Penyediaan drama yang kreatif terpulanglah kepada penulis-penulis skrip dan pengarah-pengarah drama supaya peka kepada keadaan penyediaan terkini dan kepada dasar-dasar serta hasrat Kerajaan memajukan negara selaras dengan Wawasan 2020 supaya ianya dapat dibeli untuk siaran television baik RTM mahupun TV3.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Penerangan yang hendak menaikkan mutu drama yang memang sudah naik, tetapi soalnya tidak dapat diminati oleh orang ramai kerana siri drama ini berjujai-jujai - ada episod 1, 2, 3 dan sebagainya dan hari ini kita dapat tengok, besok kita tidak dapat tengok.....

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalnya?

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yaug di-Partua, maksud soalnya ialah jangan di buat episod dan tayangkan terus. Jadi, soalan saya bolehkah drama itu diteruskan dengan tidak berangkai-rangkai.

Yang keduanya, bolehkah pula drama itu tidak diselangi dengan iklan-iklan; sesuatu drama itu terhenti, kemudian selingan iklan sampai lupa-khayal kita menengok. iklan, drama itu sudah hilang kesedapannya? Bolehkah kalau tidak diselang dengan iklan?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, drama-drama yang bersiri itu sebenarnya merupakan suatu cerita yang panjang. Ada juga drama-drama yang merupakan drama swasta sebagai sebuah drama biasa sahaja. Jadi, oleh kerana cerita itu panjang dan untuk menghabiskan cerita tersebut, maka ianya dibuat bersiri-siri. Jadi, kita terima berdasarkan apa yang telah digarispandukan oleh RTM iaitu drama bersiri atau serial, memang ada bezanya di antara drama yang tidak bersiri.

Mengenai soal iklan ditiadakan di dalam perantaraan drama-drama, saya rasa itu tidak mungkinlah, Tuan Yang di-Pertua, kerana ini merupakan sumber pendapatan RTM.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, siapakah yang terlibat dengan manual skrip drama swasta ini dan jangkamasa tayangan dibuat selepas drama-drama ini selesai penggambarannya dan diserahkan kepada pihak RTM?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Orang-orang yang terlibat sebagai Jawatankuasa Skrip ialah kakitangan RTM sendiri dan jangkamasa untuk menentukan. bila sesebuah drama itu dapat diterima atau tidak sebenarnya tidak ditetapkan kerana ada kadangkalanya sesebuah drama itu memakan masa yang panjang disebabkan apabila dikaji didapati kualitinya kurang baik atau jalan ceritanya tidak bersesuaian. Jadi ia terpaksa dikembalikan atau kadangkalanya drama yang dikembalikan disuruh perbetulkan. Jadi, itu juga memakan masa. Jadi, begitulah perkara-perkara yang berlaku sebagai masalah yang melambatkan drama-drama ini dimainkan di TV.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa drama-drama yang diimport dari India itu tidak ada apa-apa nilai ataupun ciri-ciri yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekiranya sedar, apakah cadangan-cadangan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya menggalakkan drama-drama Tamil yang dikeluarkan oleh warganegara Malaysia?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar dan barangkali walaupun drama-drama Tamil ini dalam bahasa Tamil tetapi ianya tidak ditonton oleh orang India yang berbahasa Tamil sahaja; orang Melayu, orang Cinapun, tengok drama Tamil. Jadi, maknanya ada sambutan. [Ketawa] Namun demikian, Kementerian Penerangan sentiasa peka di atas kehendak masyarakat India amnya, tetapi malangnya ada di kalangan umum, soal drama-drama yang dikeluarkan oleh pengeluar tempatan adalah kurang mendapat

sambutan dan seperti drama-drama lain ada juga yang dihantar mengalami masalah yang saya sebutkan tadi, masalah kualiti dan berbagai-bagai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Salbiah, saya benarkan sebagai yang akhir sekali untuk soalan ini.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Penerangan, adakah Kementerian berpuas hati sesudah menyiarkan drama-drama itu? Itu soalan yang pertama.

Yang kedua, sebab cerita di dalam drama-drama ini berlingkar dalam kawasan rumahtangga sahaja - selalunya berkelahi suami-isteri dan bergaduh dengan menantu. Tak adakah cerita yang boleh meninggikan imej kita. Umpamanya, ada keluarga yang berjaya supaya dapat ditiru oleh penonton-penonton, anak-anaknya yang berjaya, perniagaannya yang berjaya. Ini salalu sekitar dalam rumahtangga sahaja, berkelahi kerana....

Tuan Yang di-Pertua: Maksud soalannya, adakah drama yang lain?

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Ya, yang lain daripada itu, lain daripada drama rumahtangga?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saranan yang dimajukan oleh Ahli Yang Berhormat adalah kurang tepat kerana setahu saya drama RTM itu berbagai-bagai termasuklah ciri-ciri Yang Berhormat sebutkan tadi diakui memang ada. Tetapi ada juga yang menunjukkan kemajuan negara, kemajuan inividu dan

sebagainya. Tetapi kalau Yang Berhormat ingin, memperbaiki lagi drama-drama swasta ini, saya rasa Yang Berhormatpun boleh tulis skrip, kita boleh pertimbangkan. [Ketawa]

PENGGUNA - PEBLINDUNGAN DARI EKSPLOITASI PENIAGA

17. **Wan Hamid Edruce bin Tuanku Mohamad** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kejayaan Kementerian-nya dan usaha melindungi pengguna daripada ditipu oleh pedagang-pedagang yang tamak.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam usahanya untuk melindungi pengguna daripada dieksploitasi oleh peniaga-peniaga yang tamak dapat diukur dari segi program-program yang telah disusun, iaitu:-

- (1) Pengguna mempunyai tempat untuk mengutarakan rungutan dan aduan serta mendapat, dengan izin, redress yang sewajarnya jika mereka merasakan diri mereka dieksploitasi.
- (2) Pengguna tidak menghadapi apa-apa masalah untuk mendapatkan bekalan barang-barang perlu dengan harga yang berpatutan dalam setiap keadaan.
- (3) Harga barang-barang perlu adalah stabil dan peniaga-peniaga tidak menaikkan harga barangan tanpa sebab-sebab munasabah.
- (4) Pengguna boleh menggunakan, hak mereka dalam membuat apa-apa pembelian seperti hak untuk mendapat maklumat,

hak untuk membuat pilihan dan hak untuk membuat perbandingan harga.

Tindakan melindungi pengguna daripada dieksploitasi oleh peniaga-peniaga dilaksanakan berterusan oleh Kementerian seperti berikut:-

- (i) mempertingkatkan kesedaran dan kepekaan pengguna mengenai hak dan tanggungjawab mereka. Bagi maksud ini, Kementerian menggalakkan pertumbuhan gerakan kepenggunaan yang positif dan mempergiatkan program pendidikan pengguna di peringkat negeri dan daerah. Kementerian juga telah mendapat persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menubuhkan Majlis Hal Ehwal Pengguna di setiap negeri;
- (ii) menentukan bekalan barang-barang perlu sentiasa mencukupi dan mudah diperolehi dengan harga yang berpatutan di pasaran dalam setiap keadaan.
- (iii) menentukan harga barang-barang tidak dinaikkan dengan sewenang-wenangnya;
- (iv) mengambil berbagai langkah pencegahan dan pembanteras penyelewengan dalam urusanniaga melalui penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan;
- (v) mengadakan kemudahan untuk pengguna membuat rungutan dan aduan; dan
- (vi) menyelesaikan masalah pengguna dengan segera dan berkesan dan menentukan perniagaan mengamalkan budaya perdagangan yang beretika serta peka dengan tanggungjawab terhadap masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Kementerian di dalam usahanya melindungi pengguna daripada dieksploitasi oleh peniaga-peniaga bergantung kepada kerjasama dan komitmen sepenuhnya daripada pengguna sendiri. Di samping mengamalkan budaya jimat cermat dan peka kepada hak-hak mereka sebagai pengguna, mereka juga perlu melaporkan sebarang penyelewengan dalam perdagangan kepada pihak berkuasa bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil dengan segera.

INSTITUT PERTANIAN - KEJAYAAN PETANI LUAR BANDAR

13. **Puan Hajah Rogayah binti Che Mat [Di bawah S.O. 24(2)]** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Institut-institut Pertanian di negara ini berjaya mewujudkan semangat ingin bertani sebagai sumber mencari rezeki bagi rakyat di luar bandar yang kaya dengan tanah terbiar itu.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia mentadbir 6 buah institut pertanian. Latihan yang dijalankan mempunyai matlamat-matlamat seperti berikut:-

- (1) memberi latihan vokasional dalam bidang pertanian di peringkat sijil untuk belia-belie bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di peringkat operatif dalam agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta,
- (2) melatih dan membentuk semangat kepimpinan di kalangan belia luar bandar bagi menghadapi cabaran menceburkan diri

dalam pembangunan, pertanian khasnya dan pembangunan negara amnya sebagai usahawan pertanian.

Untuk memenuhi matlamat-matlamat tersebut, institut telah menggubal suatu kurikulum latihan yang bersesuaian. Antara aspek-aspek yang diberi penekanan dalam kurikulum institut ialah amalan-amalan agronomi dalam pengeluaran pertanian, pengurusan ladang, pemasaran, pemerosesan dan perniagaan tani. Ini bertujuan untuk melahirkan lulusan yang berpengetahuan dan mahir dalam selok-belok pengeluaran pertanian serta aktiviti-aktiviti perniagaan, pengurusan ladang dan pemerosesan.

Selain daripada itu, latihan di institut juga mementingkan pemupukan sikap positif terhadap bidang pertanian. Berbagai aktiviti ke arah pembentukan individu yang mempunyai semangat yang tinggi, berdedikasi, sanggup bekerja-kuat dan ingin berdikari dalam bidang pertanian dianjurkan oleh institut.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN MALAYSIA MENGIKUT WAWASAN 2020

19. **Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan berhubung dengan kebudayaan Malaysia mengikut Wawasaa 2020:-

- (a) apakah tindakan pihak Kementerian terhadap 'Budaya Nasional' Malaysia dan coraknya menjelang tahun 2020 ini; dan
- (b) apakah Wawasan 2020 ini akan dihargai oleh generasi Malaysia pada waktu itu kelak berhubung dengan budaya ini jika Malaysia menjadi sebuah negara maju yang mana masyarakatnya tidak memiliki budaya yang sihat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]; Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dasar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia adalah menjadi asas perancangan dan pelaksanaan Program Pembangunan Kebudayaan di Kementerian ini. Program-program seperti penggalakan dan promosi, khidmat sokongan dan latihan penyelidikan dan pemuliharaan, Pembangunan dan Pendidikan Seni Persembahan akan terus dilaksanakan demi mencapai hasrat Wawasan 2020.
- (b) Kementerian ini yakin bahawa Wawasan 2020 akan dihargai oleh generasi Malaysia pada waktu itu kelak. Masyarakat Malaysia pada abad ke 21 dapat digambarkan mempunyai ciri-ciri seperti berikut:-

- (i) Berbudaya Ilmu;
- (ii) Berbudaya Saing;
- (iii) Berbudaya Kerja Yang Tinggi;
- (iv) Berbudaya Penyayang;
- (v) Beretika dan Bermoral Tinggi;
- (vi) Bangga Diri;
- (vii) Bertoleraasi dan saling menghormati.

Masyarakat yang akan wujud dalam abad ke 21 adalah sebuah masyarakat yang bersatu, yakin, hidup penuh demokratik, liberal, bertolak ansur, adil dari segi pengagihan

ekonomi, progresif dan makmur dan mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang bersaing, dinamik, giat dan kental.

Kerajaan begitu yakin Wawasan 2020 akan lahir bersama-sama dengan masyarakat maju yang berbudaya seperti yang telah saya sebutkan di atas tadi.

PINJAMAN KENDERAAN - KELONGGARAN SYARAT TEMPOH BAYARAN BALIK

20. **Tuan Mohd. Zain bin Haji Mt Daud** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi kelonggaran semula kepada syarikat-syarikat kewangan menetapkan tempoh bayaran balik yang ditetapkan oleh Kerajaan sekarang memberi beban kepada peminjam-peminjam dalam sewabeli kenderaan tersebut.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan-peraturan baru mengenai pembiayaan pinjaman kenderaan berkuatkuasa pada 15 Ogos 1991. Di bawah peraturan baru itu pembiayaan untuk membeli kenderaan oleh institusi-institusi kewangan tidak boleh melebihi 75% daripada kos pembelian kenderaan dan tempoh pembayaran balik pinjaman hendaklah tidak melebihi 4 tahun. Sebelum peraturan-peraturan baru itu

dikeluarkan, pembiayaan yang diberikan oleh institusi kewangan adalah dalam lingkungan 80% daripada kos kenderaan dan tempoh pembayaran balik adalah sehingga 5 tahun.

Peraturan-peraturan baru yang dipekenalkan itu adalah dibuat untuk memperlahankan permintaan ke atas kredit oleh sektor swasta bagi tujuan penggunaan. Ia secara tidak langsung akan mengurangkan pertumbuhan bekalan wang dan permintaan penggunaan yang berlebihan bagi mengurangkan tekanan inflasi.

Sungguhpun peraturan itu membebankan bakal pembeli kenderaan, tetapi pada hakikatnya ia adalah untuk kebaikan dan faedah pengguna secara amnya kerana kesannya dalam meredakan tekanan inflasi. Dengan peraturan baru itu, adalah dijangkakan hanya mereka yang benar-benar mampu akan membeli kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tekanan inflasi di negara kita pada hari ini masih wujud, Kerajaan tidak bercadang untuk menyemak semula atau memberi kelonggaran ke atas peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan sejak 15hb Ogos yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal Jawab sudah cukup. Kita terus pergi kepada perkara yang lain.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 50 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992****Bacaaa Kali Yaag Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekaraag." [23hb Disember, 1991]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad menyambung ucapannya.

3.35 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk menyambungkan perbahasan bagi Akta Perbekalan 1992.

Di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan, kenapalah pada tahun 1991 tidak ada peruntukan bagi Jabatan Penjara dalam hal-hal keselamatan dan peruntukan pemuliharaan dan perancangan tenaga manusia. Begitu juga sebaliknya bagi tahun 1992 tidak ada pula peruntukan bagi kurungan dan didikan semula budak-budak nakal dan banduan-banduan muda. Lebih-lebih lagi yang membawa saya ingin tahu kenapa peruntukan latihan pegawai-pegawai penjara turut terlibat, sedangkan Jabatan Penjara Malaysia berobjektif melatih pegawai-pegawai penjara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh B.46 Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang diperuntukkan \$23 billion. Saya suka mencadangkan agar Kementerian ini yang bertanggungjawab supaya tidak menjejaskan kualiti hidup rakyat dan sumber asli agar dapat mengadakan kempen secara lebih meluas dengan mendapat kerjasama semua pihak terutama mass media supaya rakyat dapat memainkan peranan membantu Kerajaan mengawal dan memelihara kualiti alam sekitar, Kilang-kilang patut dicegah sama sekali daripada membuang sisa-sisa kilang ke dalam sungai ataupun tempat-tempat yang boleh memudaratkan dalam masa jangka panjang. Yang menampakkan begitu ketara sekarang ada banyak pihak kilang-kilang memilih jalan mudah bagi menimba keuntungan yang besar dengan membuang sisa-sisa kilang melalui sungai. Akibat perbuatan itu air sungai tercemar. Pencemaran air sungai itu menyerap masuk ke dalam perigi dan

ikan-ikan yang sangat tinggi mutu khasiat seperti ikan haruan dan lain-lain ikan termasuk udang bergelimpangan mati. Air sungai yang digunakan untuk siraman pokok sayur-sayuran terutamanya, kecuali yang berdaun keras tidak boleh digunakan lagi. Ternakan seperti lembu, kerbau, itik, yang selalu meminum air sungai juga turut terlibat. Dan kadang-kadang air sungai itu juga digunakan untuk mandi manda, basuh-membasuh pakaian. Akibat pembuangan sisa-sisa kilang itu, juga pokok-pokok yang tumbuh di tebing-tebing sungai terutamanya yang menjalar habis mati. Matinya pokok-pokok di tebing sungai akan matilah juga ungkapan 'umpama aur dengan tebing'. Maksud saya, jika pihak kilang tidak dapat memberi kerjasama, pupuslah harapan orang ramai terhadap pandangan baik kepada pihak kilang.

Di sini saya ingin mendapat tahu daripada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sejauh manakah pihak Kementerian dapat mengenalpasti di segi pencemaran iaitu hutan ataupun bukit yang telah dicemari oleh pembalok-pembalok sama ada pencemaran itu dengan cara membuang tin-tin kosong, najis ataupun membunuh binatang-binatang dan binatang-binatang itu busuk dan airnya mengalir ke tempat-tempat takungan dan air itu dialirkan kepada manusia. Jika sekiranya tidak memberi pengertian yang lain, tanggungjawab Kementerian ini di segi tanggungjawab yang tidak menjejaskan kualiti hidup, maksud saya kualiti sosial kerana di Negeri Perlis sejak akhir-akhir ini ada kemasukan rakyat Thai yakni 'Thailan' ke negeri Perlis.

Ada sesuatu yang agak pelik cara hidup mereka. Orang "Thailan" ini datang ke negeri Perlis sebagai buruh di ladang-ladang tebu di negeri Perlis. Mereka **ini**, kata orang, bujur lalu melintang patah. Maksud saya, orang Thai ini amat gemar menangkap dan memakan binatang. Bila nampak sahaja cicak, biawak, tengkerong dan lain-lain binatang, ditangkap dan terus dimamah, kecuali yang besar, untuk keluarga mereka, maksud saya tanpa dimasak. Dalam soal ini saya ketengahkan untuk kajian pihak yang berkenaan sama ada cara hidup begini tidak membawa sesuatu kecemaran kualiti sosial masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menutup perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbekalan ini, ingin saya menyebutkan bahawa bagaimana indahny sebuah rumah mudah bagi kita menyuarakan cacat celanya, terutama sekali bagi tukang cacat. Begitu juga bagaimana baiknya kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar Baba serta dengan kesefahaman dan kerjasama Menteri-menteri, ada-ada sahaja yang tak kenanya. Bagi kita, penyokong Barisan Nasional dan rakyat umum yang tahu menilai intan ataupun kaca, dapat mengkritik dengan cara membina. Umpamanya, kacau kopi dalam cawan untuk mendapat hasil rasa sedap minuman kopi. Bukan seperti parti lawan, untuk memisahkan cawan dan pelapiknya, biar siapa pun tak boleh minum,

puas di hati, menang menyabung. Sudah musnah negara, baru menyesal. Tak sedarkah perbuatan itu umpama meludah ke langit.

Jadi, itulah sahaja perbincangan saya di atas Rang Undang-undang Perbekalan. Dengan ini, saya menyokong sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rosalind.

3.44 ptg.

Puan Rosalind Yau Shuk Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi peluang berucap buat pertama kali di Dewan yang mulia ini, Saya berasa syukur kerana kehadiran saya di Dewan ini di kala negara telahpun menetapkan langkah menuju matlamat maju menjelang tahun matlamat yang pasti dan yakin menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Dengan adanya matlamat nyata yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang berpandangan jauh dan bijaksana, saya rasa lega kerana kita hanya perlu melaksanakan dan berusaha ke arah satu matlamat yang telah kita tentukan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan beliau telah mengucapkan penghargaan yang amat tinggi kepada bekas Menteri Kewangan, Tun Daim, kerana telah berjaya mengukuhkan kedudukan kewangan negara dan berhasil pula melegakan beban hutang negara serta berupaya memulakan program membayar hutang lebih awal daripada jadual, saya pula ingin mengambil kesempatan ini. mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang kerana telah berjaya menghasilkan satu Belanjawan yang menarik dan

penuh pemerhatian, Saya beranggap Belanjawan 1992 merupakan Belanjawan pengimbangan dalam semua bidang ke arah pengawalan dan penggunaan wang negara untuk kestabilan dan kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sokongan saya terhadap Belanjawan tersebut, izinkan saya menyentuh beberapa perkara yang terkandung di dalamnya yang saya rasa perlu perhatian Dewan pada hari ini.. Perkara bertajuk. Industri Pelancongan yang dikemukakan dalam Belanjawan 1992 itu melambangkan bahawa Kerajaan ingin terus memajukan industri ini berlandaskan pengalaman Tahun Melawat Malaysia 1990 yang telah dijayakan. Berlandaskan pengalaman itu tentulah Kerajaan telah dapat mengukur buruk-baik, kelebihan dan kelemahan kempen tersebut. Jumlah pelaburan dan pulangan serta faedah kepada rakyat dan negara tentulah telah diketahui. Pada tahun 1992 kita merancang untuk mengadakan sekali lagi melalui rancangan Melawat ASEAN pula. Tentulah strategi dan program yang lebih teratur menarik dan berkesan akan dilaksanakan. Berlandaskan selera daya tarikan pelancongan akan diambilkira. Ini harus disedari kerana pada kali ini kita bersaing dengan negara ASEAN yang lain.

Sebenarnya saya ingin tahu apakah identiti Malaysia yang ingin kita tonjolkan kepada para pelancong yang datang melawat ke negeri ini. Pada tahun 1990, Kerajaan melalui TDC dan lain-lain agensi mengatur berbagai program dan aktiviti bagi menarik dan memenuhi kehendak pelancong sehingga seolah-olah ada ketikanya pelancong menjadi benar-benar terhormat dengan layanan yang istimewa

yang diberikan. Ada kalanya program yang diadakan tidak memberi pulangan kepada pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan dan agensi-agensi yang terlibat, seperti mengadakan kereta berhias yang membelanjakan begitu banyak wang kita sendiri. Sebenarnya hanya segelintir pelancong-pelancong yang melihatnya. Saya juga dapati program yang dijalankan tidak diatur mengikut jadual bagi melambangkan sesuatu identiti yang hendak ditunjukkan.

Saya berpendapat dan menyatakan bagi Tahun Melawat ASEAN yang dirancang, Kerajaan dan agensi-agensi berkaitan menjadikan pengalaman Tahun Melawat Malaysia 1990 sebagai asas dan panduan bagi mengatur program yang lebih terancang dan teratur. Perkara yang sedia ada, seperti Pesta Pulau Pinang, Perusahaan Batik di Pantai Timur, Negeri Bersejarah Melaka, Pesta Pantai Negeri Sembilan dan Sabah, Pesta Menuai dan Hari Gawai. yang mempunyai ciri-ciri menarik, Pesta Buah-buahan, Pesta Muzik dan sebagainya patut menjadi asas mengatur program. Perkara ini harus menjadi asas merangka program, dan Kerajaan serta agensi-agensi berkaitan hendaklah memberikan sokongan berlandaskan perkara yang sedia ada dengan menyalurkan sokongan kewangannya.

Ini bukan sahaja membolehkan pelancong memilih dan merancang masa percutian dan lawatan mereka, malah promosi dan kempen di luar dan di dalam negeri boleh dibuat dengan lebih teratur dan khusus. Di samping **itu**, usaha mewujudkan identiti sesuatu perkara serta usaha Kempen Kenali Malaysia itu akan lebih jelas lagi. Sebagai contoh, apabila Pesta Muzik diadakan pada suatu musim, kita hendaklah mengatur berbagai program mengenai muzik di mana perkembangan muzik tanahair dapat diperkenalkan dan dipaparkan. Ini bukan sahaja dapat menonjolkan perkembangan muzik tanahair serta hasil muzik dari berbagai kaum di Malaysia tetapi ianya akan menarik minat pencinta muzik luar negara untuk mengenali Malaysia melalui muziknya.

Di samping itu, program ini juga merupakan pendedahan kepada generasi baru kita untuk menyaksikan dan memahami perkembangan ilmiah muzik tanahair sendiri. Tidak terkecuali kepada mereka yang melibatkan diri di dalam industri muzik di negara ini akan dapat sama menikmati hasil dari kempen Tahun Melawat ASEAN yang dilancarkan oleh Kerajaan.

Kesimpulannya, dalam merangka program Tahun Melawat ASEAN yang bakal diadakan, Kerajaan tidak hanya mengharapkan pulangan kewangan dari hasil kedatangan pelancong sahaja. Penelitian harus diberikan kepada mewujudkan identiti yang hendak ditunjukkan, meningkatkan peluang kepada perkembangan industri yang terlibat sebagai tarikan pelancong serta memberi peluang kepada rakyat menikmati hasil dari

Kempen Tahun Melawat ASEAN 1992 itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya menarik minat untuk disuarakan di Dewan ini ialah mengenai kenderaan awam iaitu teksi bandaraya yang menjadikan kemudahan penting untuk menggerakkan kegiatan urusan harian. Ternyata teksi bandaraya merupakan kemudahan yang segera dan selesa. Namun demikian, sejak kebelakangan ini, apa yang saya tahu banyak persoalan timbul bila mana Kerajaan melaksanakan pemberian permit-permit teksi kepada syarikat-syarikat dengan bilangan yang besar. Ada syarikat yang dapat 50, ada juga yang dapat 20 atau 30 dan yang lebih beruntung mendapat hingga ke angka 100. Mungkin lah Kerajaan ada sebab-sebab yang baik dasar itu dilaksanakan, tetapi implikasi negatif telah dirungutkan oleh berbagai pihak. Benarkah pemandu-pemandu teksi bandaraya yang memandu teksi milik syarikat tidak boleh cari makan? Benarkah pengusaha teksi yang telah mendapat begitu banyak permit menghadapi berbagai masalah terutamanya kewangan dalam menjalankan perniagaan mereka? Apakah benar pengguna tidak mendapat kemudahan yang baik dari perkhidmatan teksi bandaraya sehingga mengganggu urusan penting mereka seharian.

Apa yang saya faham bagi pemandu teksi milik syarikat, setelah mereka membeli teksi tersebut dengan bayaran mukanya kira-kira \$4,000, mereka dikenakan bayaran sebanyak anggaran \$40 sehari sehingga enam tahun barulah kereta itu akan menjadi milik mereka. Dalam tempoh enam tahun tersebut, segala kerosakan dan, dengan izin, maintenance kereta tersebut adalah tanggungan pemandu. Selain dari

kos pengendalian, pemandu tersebut akan membayar kira-kira \$70,000 bagi sebuah kereta Proton. Saga. Sebenarnya, berbanding dengan pembelian yang dibuat sendiri, mereka hanya perlu akan membayar jauh lebih murah dan kalau dikira harian, mereka hanya perlu memperuntukkan anggaran \$20 sahaja untuk bayaran kereta, Apakah istimewanya pemilik permit teksi tersebut yang permit diperolehi dengan percuma menerima ganjaran yang begitu besar dari pemandu-pemandu yang tentunya terdiri dari orang yang memang susah hidupnya.

Yang lebih menyedihkan lagi, mereka mesti membayar bayaran harian itu dalam sebarang keadaan sakit ataupun kereta di bengkel atau apa sahaja keadaan. Kesan dari itu untuk mendapatkan dan mengejar sewa yang sebanyak itu, pemandu akan mengambil penumpang yang ingin pergi jauh sahaja dan perjalanan ke Lapangan Terbang menjadi idaman pemandu teksi setiap hari. Maka penumpang yang mahu mendapat perkhidmatan sekitar Kuala Lumpur merungut kerana pemandu teksi tidak mahu mengambil mereka atas alasan mengutip satu atau dua ringgit tidak akan dapat sewa yang mencukupi. Ada pendapat menyatakan sekiranya mereka tidak dapat mengutip lebih dari \$100 sehari, maka mereka akan pulang ke rumah tanpa gaji kerana wang sejumlah itu hanya cukup untuk membayar sewa, minyak petrol dan kos pengendalian kenderaan sahaja.

Ada yang berpendapat kalau mereka hanya memandu di sekitar Kuala Lumpur memberi perkhidmatan kepada penumpang, maka mereka akan hanya mendapat ganjaran sekitar satu atau dua ringgit sejam setelah

memandu selama satu hari. Kesan dari itu maka merungutlah pula pemilik syarikat kerana tidak dapat kutipan yang memuaskan untuk menanggung pengarah-pengarah, kakitangan dan overhead ataupun perbelanjaan syarikat yang tinggi. Di mana salahnya? Saya rasa adalah wajar pihak Kerajaan mengkaji keadaan ini kerana kenderaan awam terutamanya teksi bandaraya adalah merupakan pengangkutan yang penting di bandaraya bukan sahaja untuk pengguna tempatan yang memerlukannya untuk urusan harian, bahkan juga pelawat-pelawat yang datang ke ibu kota ini kerana yang melawat negara ini tidak akan membawa kenderaan mereka sendiri, malah terpaksa bergantung kepada perkhidmatan teksi bandaraya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan mengkaji semula galakan pelaburan di negeri ini, saya ingin menarik perhatian Dewan agar benar-benar berhati-hati dalam menetapkan dasar untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini. Penekanan patut diberi terhadap kempen pelaburan di Malaysia yang dijalankan di luar negeri. Maklumat dan daya tarikan yang lebih luas meliputi pasaran yang lebih luas perlu diteruskan. Kerajaan tidak harus banyak menukar kelonggaran dan insentif yang telah diberikan pada masa lalu seperti percukaian dan taraf perintis yang ditawarkan sehinggakan mereka merasakan seolah-olah ia bertambah ketat dan tidak menarik lagi.

Untuk tujuan ini kempen mengenali Malaysia dan peluang pelaburan di Malaysia di luar negara patut ditingkatkan dan diperbanyakkan. Kita harus sedar bahawa kita menghadapi persaingan dalam usaha yang sama dengan negara jiran kita, maka kita harus mampu menghasilkan tawaran pelaburan yang menarik dan terkini di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, kajian patut juga diadakan mengenai kesan menaikkan duti minuman keras yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan dalam Belanjawan 1992 yang dikemukakan baru-baru ini.

Kita maklumi bahawa sebilangan besar penduduk bukan Islam di negeri kita ini menjadikan minuman keras sebagai minuman harian dan keraian mereka dan ada yang menjadikan minuman untuk kesihatan. Dalam soal ini saya setuju sekiranya Kerajaan menaikkan duti import minuman keras pada kadar yang boleh tidak menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan minuman keras, tetapi saya harap dalam pelaksanaan tersebut, Kerajaan dapat memastikan bahawa harga minuman keras seperti beer dan stout, dengan izin, tidak terus naik. Minuman keras jenis liquor yang menjadi pilihan orang-orang berada boleh dikurangkan dengan kenaikan harga, tetapi jika tidak diadakan kawalan bagi kenaikan harga minuman keras seperti beer dan stout ia akan membebaskan semua peringkat rakyat yang memerlukan minuman keras jenis itu dalam kehidupan seharian mereka.

Tuan Yang di-Pertua sebelum mengakhiri ucapan saya pada kali **ini**, izinkan saya menyentuh perkara yang khusus mengenai kaum wanita memandangkan Wakil wanita masih kecil bilangannya dalam Dewan ini.

Izinkan saya bercakap dengan lebih lanjut mengenai hal-hal yang berkaitan dengan peranan dan sumbangan kaum wanita di dalam pembangunan negara serta kebajikan mereka di dalam ucapan sulung saya ini.

Negara heboh dengan soal kekurangan tenaga kerja terutamanya dalam sektor pembuatan dan pembinaan sehingga menarik minat pendatang-pendatang tanpa izin untuk berduyun-duyun datang mengisi kekosongan tersebut.

Sebenarnya sedarkah kita begitu ramai kaum wanita yang berjawatan suri rumahtangga yang tidak ada gaji pokok, yang mampu dan berkeupayaan mengisi kekurangan itu sekiranya perancangan dan peraturan yang sesuai boleh diadakan oleh pihak Kerajaan bagi membolehkan suri-suri rumahtangga ini dapat menikmati diri dan menyumbang bakti kepada pembangunan negara.

Bagi mencapai tujuan ini, Kerajaan harus menyegerakan pelaksanaan dasar memindahkan kegiatan perindustrian ke luar bandar dengan lebih pesat lagi. Dengan cara ini bukan sahaja ia membuka lebih peluang kepada suri rumah di luar bandar mendapat pekerjaan bagi meningkat pendapatan serta menikmati sumber kewangan, malah sekali gus mengurangkan penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar

ke bandar yang telah menimbulkan berbagai masalah sosial.

Kita faham suri rumah tentulah mempunyai anak-anak kecil yang menyekat mereka untuk bekerja. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan boleh membantu dengan mensyaratkan pelabur-pelabur asing dan juga pengilang-pengilang tempatan yang mendirikan kilang-kilang di Malaysia supaya mengadakan pusat-pusat penjagaan bayi atau anak-anak kecil berhampiran tempat ibu-ibu mereka bekerja. Saya rasa kosnya tidak besar berbanding dengan keresahan yang para majikan memikirkan akan kegiatan curi-mencuri dan pujuk-memujuk pekerja yang berlaku sekarang **ini**. Para majikan dari kaum lelaki jangan bimbang, kaum ibu ini akan dapat bekerja dengan lebih tenang dan selesa, kalau mereka pasti anak-anak mereka terjaga. Apatah lagi mereka juga boleh menguatkan pendapatannya setiap bulan tidak semata-mata bergantung kepada ikhsan suami sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membincangkan nasib kaum wanita dan golongan yang kurang bernasib baik di dalam masyarakat yang sedang menuju ketahap membangun di mana masyarakat penyayang atau, dengan izin, a caring society, adalah satu matlamat cergas yang kita semua hendak kejari.

Di dalam masyarakat yang kian maju ini terdapat juga golongan anak-anak yang kurang bernasib baik yang terencat akal separuh yang tidak diterima masuk oleh badan-badan kebajikan terutamanya mereka yang telah menjangkau umur 18 tahun.

Kini Kerajaan telahpun menyediakan pusat-pusat yang agak lengkap untuk mengasuh, mendidik dan melatih golongan yang kurang

bernasib baik sehingga mereka mencapai umur 18 tahun. Masalah yang timbul ialah setelah mereka meninggalkan pusat-pusat tersebut mereka tidak diterima pula oleh keluarga mereka sendiri. Mereka ini berkeliaran di dalam masyarakat yang tidak memberi perhatian yang setimpal kepada mereka. Mereka ini macam terbiar dan tersisih dari masyarakat. Dengan mengetahui kecacatan pemikiran ini ada pula golongan yang tidak berperikemanusiaan dan tidak mempunyai kesedaran sivik, mengambil kesempatan cuba mengganggu kehidupan orang yang kurang bernasib baik itu. Golongan wanita yang terencat akal ini mengalami masalah yang lebih tenat kerana dinoda oleh kaum lelaki yang tidak bertanggungjawab semata-mata hendak melepaskan nafsu mereka. Nasib mereka perlu dibela dan Kerajaan diharap dapat melakukan sesuatu tindakan yang tegas.

Akhir kata saya tegaskan sokongan saya kepada Belanjawan 1992 dengan mesej ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid.

4.08 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1992, yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan Malaysia semalam.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Belanjawan 1992 pada tahun ini merupakan Belanjawan yang mendapat sanjungan semua rakyat dan memberi faedah yang besar kepada golongan berpendapatan rendah. Semua pihak telah membuat komen di atas Belanjawan ini - daripada kalangan peniaga, ahli professional dan juga ahli politik dan semua golongan,

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu dua perkara dalam Belanjawan tersebut. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah peka dengan kehendak rakyat di mana cukai pembangunan sebanyak 5% yang telahpun dijanjikan pada tahun 1989 akan dikurangkan, dan telahpun disetujukan daripada 3% kepada 2% dan saya percaya pada tahun 1993 cukai ini akan dihapuskan langsung. Dan sudahlah sampai masanya saya kira cukai pembangunan ini sama ada untuk golongan tertentu atau untuk individu dan tanggungjawab Kerajaan pada pembangunan negara ini memang sudahlah menjadi tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga peka kepada keluhan orang ramai mengenai perumahan terutama keengganan beberapa buah institusi kewangan untuk terus memberi pinjaman perumahan.

Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana telahpun mengurangkan kepada tidak lebih daripada 9% untuk faedah pinjaman kewangan ini untuk pembeli-pembeli rumah.

Dan dengan ini juga, saya rasa rumah-rumah terbengkalai yang berlaku di seluruh negara dapat diatasi dan semua pemaju perumahan itu akan dapat meneruskan kerja untuk menyiapkan rumah yang masih terbengkalai.

Di dalam Belanjawan ini juga di mana kadar yang lebih telahpun diberi kepada pencarum KWSP untuk membeli rumah, bukan sahaja rumah kos rendah tetapi juga rumah-rumah kos tinggi dan sederhana. Kerajaan juga telah meluluskan iaitu pencarum-pencarum KWSP yang telahpun mengambil pinjaman untuk perumahan, boleh mengeluarkan carumannya untuk lain-lain perbelanjaan termasuklah untuk bayaran guaman, insuran dan pelajaran anak-anak sekolah. Saya rasa inilah satu daripada kelonggaran yang sangat menepati dengan kehendak ataupun hasrat pencarum-pencarum KWSP.

Tuan yang di-Pertua, Kerajaan juga telah mengumumkan bahawa satu levi ke atas pekerja-pekerja asing dikenakan daripada \$360 kepada \$2,400. Saya rasa langkah ini wajarlah diadakan dan sepatutnya memang dari dahulu lagi sudah kita mengenakan levi ini, kerana bilangan pekerja-pekerja asing di negara kita saya rasa telah sampai ke tahap yang begitu tinggi. Sesuailah dengan dasar Kerajaan hari ini, memberi peluang kepada pekerja-pekerja asing untuk diberi permit kerja, dan dengan ini dapat kita mengesan sejauhmana ramainya pekerja-pekerja asing di negara **ini**. Dengan levi ini juga saya rasa dapat menambahkan hasil negara, dan tidaklah majikan-majikan, boleh mengambil pekerja asing sesuka hati dan menimbulkan masalah kepada pekerja-pekerja ataupun penganggur-penganggur tempatan yang hari ini

masih kedengaran lagi banyak yang tidak mendapat kerja, satu daripada sebabnya dikatakan kerana kemasukan tenaga buruh asing yang begitu tinggi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pengangkutan, Kementerian Kewangan telah menyediakan \$1.95 bilion atau 17.1% daripada keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan. Saya percaya dengan peruntukan yang sebegini besar, Kerajaan akan dapat memperelokkan lagi jalan-jalan yang ada di seluruh negara ini ataupun melebarkan lebih jalan-jalan ini dan menjadi beberapa lorong yang mana hari ini terdapat kita lihat kemalangan-kemalangan jalanraya yang begitu serius. Selain daripada yang dikatakan kecuaiian manusia tersendiri, keadaan jalan adalah juga menjadikan faktor utama yang menyebabkan kemalangan.

Saya suka menarik perhatian Dewan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, bahawa di Johor, jalan di antara Johor Bahru-Air Hitam merupakan satu jalan yang mempunyai rekod yang paling tinggi kemalangan. Jalan ini merupakan jalan laluan Utara-Selatan yang saya kira tidak begitu sesuai dengan jumlah kenderaan yang ada, dan sesuai sangatlah jalan ini diperbesarkan dan dijadikan empat lorong umpamanya, untuk membolehkan kenderaan berjalan dan bergerak bebas. Dan akhir-akhir ini di antara Pulai dan Senai ke Johor Bharu yang mana masa perjalanan yang kita gunakan biasanya lebih kurang 20 minit ataupun setengah jam, hari ini kita terpaksa menggunakan jalan itu di antara satu ke dua jam. Jalan ini saya rasa sudah sampai tahap dan masanya untuk diperbesarkan, kerana saya katakan tadi ia menjadi laluan Utara-Selatan yang tidak ada pilihan jalan lain untuk digunakan.

Inilah masalah yang dialami oleh penduduk-penduduk di sekitar kawasan itu di mana kawasan-kawasan berhampiran, ini telah membangun begitu pesat sekali. Dengan adanya Lapangan Tarbang di Senai, dengan adanya pusat industri ataupun perkilangan yang begitu banyak didirikan dan dengan wujudnya Universiti Teknologi di Skudai jalan ini sudah menjadi begitu sesak sekali. Sudah sampailah masanya dengan peruntukan yang sebegini besar bagi Kerajaan, saya kira, mengambil perhatian sewajarnya supaya jalan ini segera diperbesarkan, setidaknya saya kata dengan dua, tiga atau empat lorong yang boleh kenderaan bergerak-gerak lancar dan tidak mengganggu pengguna-pengguna sebagaimana yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Jabatan Koperasi di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Sesuailah dengan ucapan yang dibuat oleh Menteri berkenaan iaitu Menteri Kewangan mengatakan koperasi merupakan jentera yang mampu menggerakkan kekuatan ekonomi masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana jika diuruskan secara profesional dan bertanggungjawab. Dalam hal untuk mengembangkan koperaai **ini**, saya inginlah menyentuh dengan peranan ANGKASA. ANGKASA ditubuhkan, saya rasa, tentulah dengan tujuan untuk menyatukan tenaga koperasi negara ini untuk terus menjalankan tanggungjawab sebagai sebuah koperasi yang berjaya. Tetapi hari ini apa yang kita lihat dengan ANGKASA yang saya rasa menerima sumbangan daripada seluruh koperasi di tanahair ini beratus juta ringgit, tetapi apakah hasil sumbangan ANGKASA kepada koperasi-koperasi di negara ini. Yang saya tahu, kalau kita hendak menyertai seminar ataupun kursus yang dianjurkan oleh ANGKASA, kita kena bayar. Tidakkah ada usaha

daripada ANGKASA sendiri untuk memberi peluang kepada koperasi-koperasi ini untuk dilatih supaya menguruskan koperasi lebih licin dan lancar dengan mengadakan kursus atau bimbingan lawatan yang lebih baik dengan dianjurkan oleh ANGKASA sendiri. Kalau ada pun Jabatan Koperasi itu bukanlah di bawah ANGKASA, tetapi di bawah Kementerian. Tetapi ANGKASA sendiri saya rasa harus memainkan peranan. ini kerana ini sudah dirungut oleh sebilangan besar ahli-ahli dan atau koperasi kerana pemimpin. ANGKASA setengahnya menggunakan peluang mereka untuk kepentingan individu sahaja. Jadi, saya harap sudah sampailah masanya, di mana Kerajaan begitu berkeyakinan kepada koperasi, untuk menentukan corak ekonomi negara melalui mereka yang berpendapatan rendah **ini**. ANGKASA ini juga hendaklah peka kepada kehendak-kehendak ahli-ahli dan juga koperasi-koperasi yang ada di tanahair.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh beberapa Kementerian lagi iaitu Kementerian Pertahanan. Kementerian Pertahanan juga tidak kurang jumlah peruntukan diberikan kepadanya. Apa yang saya harapkan hari ini ialah apa yang dibuat oleh Menteri yang berkenaan akan diteruskan iaitu untuk membina lebih banyak rumah-rumah kepada anggota-anggota Tentera yang sekarang ini saya rasa langkah ini telahpun diambil dan saya harap ini akan lebih ditumpukan lagi kerana kesejahteraan para perajurit kita, para anggota keselamatan kita adalah penting kerana merekalah menentukan kesejahteraan kita, boleh hidup dengan aman dan damai dan menjamin negara ini dalam keadaan yang stabil. Lebih-lebih lagi kita telah menerima perletakan senjata anggota-anggota komunis. Inilah satu daripada tekanan ataupun langkah yang diambil oleh Tentera kita sehingga tidak memberi peluang langsung kepada pihak komunis untuk terus hidup di negara ini.

Jadi, sebagai balasan, sebagai penghargaan kepada anggota Tentera ini, kesejahteraan dan kebajikan mereka itu hendaklah diambil perhatian dan kita tidak hendak dengar lagi ada anggota Tentera kita masih menyewa di rumah-rumah setinggan, masih duduk di pondok-pondok buruk, masih lagi menaiki basikal. Saya difahamkan di Pahang, ada anggota Tentera yang pangkatnya Sarjan masih menaiki basikal untuk pergi ke tempat kerja sedangkan penoreh getah naik Honda Cub bergaya di hadapan anggota Tentera yang berpangkat

Sarjan. Jadi, kalau boleh, soal rumah dan soal tanggaji Tentera ini hendaklah kita ambil berat supaya setimpal dengan apa yang mereka berikan kepada negara ini kepada kesejahteraan keluarga mereka.

Bukan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap ada Kementerian Pertahanan peka dengan perkembangan semasa, maksud saya ialah untuk memperkuat lagi Pasukan. Simpanan Tentera Darat ataupun PSTD di mana hari ini Pasukan ini berkembang tetapi tidaklah begitu pesat. Saya harap ia harus lebih pesat lagi dapat mencontohi negara-negara jiran kita di mana setiap belia kita yang berumur 21 tahun, mereka dipanggil untuk menjalani latihan ketenteraan. Selepas itu, sama ada mereka pakar di bidang-bidang tertentu, bolehlah menjalani hidupnya dengan kerjaya mereka masing-masing tetapi asas ketenteraan hendaklah ditanam kepada setiap anggota kita supaya sampai masanya mereka ini dapat menggunakan tenaga untuk mempertahankan negara. Kalau orang lain boleh buat, kenapa kita tidak boleh buat dan saya kira belia-belia kita ramai yang menganggur, yang belum dapat pekerjaan, ini saya rasa harus kita beri latihan ketenteraan ini kerana dalam Tentera ini bukan sahaja mereka diajar untuk berlatih berperang tetapi mereka juga ditanamkan dengan disiplin ketatanegaraan untuk menjadikan seseorang itu sebagai seorang yang bertanggungjawab dan seorang warganegara yang berguna kerana dalam Tentera semuanya teratur.

Jadi, tidaklah nanti bila mereka menjalani hidupnya, apa yang telah kita hadapi sekarang ini, ramai belia-belia kita yang

kadang-kadang terikut-ikut dengan fahaman yang bercanggah dengan apa yang kita ada. Kadang-kadang mudah terikut-ikut dengan fahaman-fahaman parti-parti Pembangkang umpamanya dan pihak-pihak yang tidak sukakan dasar Kerajaan, anti-national umpamanya. Jadi, kalau ada didikan asas ketenteraan ini saya rasa mereka akan dapat bertahan dan dapat menjadi seorang rakyat yang berguna kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kita juga merasa dukacita kerana jatuhnya kapalterbang. Tentera kita ini masih kerap lagi berlaku dan setiap kali kita dapat jawapan dan jaminan daripada Menteri yang berkenaan. Saya rasa sudah sampai masanya Tentera kita dilengkapi dengan kapal-kapal udara atau jet-jet pejuang yang lebih sofistikated lagi. Misalnya, kita harus menggunakan jet-jet pejuang yang lebih baik seperti F16, F18, Tornado ataupun Miraj 2000. Kalau inilah saya rasa kita dapat mengadakan kelengkapan seperti ini, saya kira pertahanan kita ke arah tahun 2020 akan lebih mencabar dan inilah yang seharusnya Kerajaan dan Kementerian Pertahanan fikirkan.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kementerian ini kerana baru-baru ini telahpun menukarkan senjata yang biasa digunakan kepada rifle tempur yang baru yang telahpun dikeluarkan oleh syarikat pengeluar senjata negara ini menggantikan senjata lama iaitu rifle M16. Jadi, saya harap usaha-usaha untuk mewujudkan kilang-kilang senjata yang lebih moden lagi di negara ini seharusnya diambil dan sebagaimana dikatakan tadi

kita akan menghadapi tahun-tahun yang mencabar lebih-lebih lagi di tahun 2020 akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kementerian Perusahaan Utama, saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan masalah pengeluaran lesen-lesen atau permit-permit membawa A ataupun permit teksi. Saya rasa perasaan tidak puas hati masih timbul di kalangan pemohon lebih-lebih lagi bekas-bekas perajurit yang masih saya rasa untuk mendapatkan permit teksi ini amat sukar bagi mereka dan seharusnya satu kelonggaran diberi kepada bekas-bekas perajurit ini kerana selalunya pihak Lembaga Pelesenan mempersoalkan modal. Saya kira, bagi sesetengah pemohon **ini**, kalau kita luluskan permit teksi kepada mereka, soal untuk dapat teksi itu tentulah ada bagi mereka. Buat apa dia hendak mohon permit ini kalau dia tidak ada modal. Walau apa keadaannya sama ada bergadai harta benda isterinya ataupun apa, tetapi dia hendak dapatkan permit **itu**. Bila kita pergi ke Lembaga Pelesenan, inilah soalan yang diajukan - hendak minta penyata bank, hendak minta jaminan dan sebagainya. Saya rasa kalau ini terus berlaku, ia akan menjadi masalah kepada pemohon yang demikian.

Timbulnya soal orang tengah. Ada sesetengah pemohon sampai kena tipu \$5,000 atau \$6,000 kerana menggunakan orang tengah. Saya kira sebab-sebab mereka menggunakan orang tengah ini, ada sebabnya. Kerana kalau kita pergi ke kaunter Lembaga Pelesenan ini, kita nampak pegawai-pegawai yang melayan mereka ini acuh tidak acuh. Kadang-kadang mereka ini macam bola. Seorang ini kata pergi kaunter

sana, yang dikaunter itu kata pergi ke situ begitu sahaja. Kadang-kadang lebih kurang tengok disuruh datang lagi. Kalau mereka ini di sekitar Kuala Lumpur saya rasa tidak menjadi masalah. Yang datang dari Kelantan, dari Perak, Johor - kalau Negeri Sembilan boleh katakan dekat - tetapi kalau dari utara Kedah sekali datang berapa perbelanjaan mereka gunakan dan kadang-kadang mereka pernah mengatakan, saya sendiri mengalami nampaknya dia kata, "Kita hendak ada sisik, kalau tidak ada sisik, inilah caranya". Saya cakap dengan dia, "Kalau sisik tidak- berapa baik pun sama juga nasib macam yang awak terima sebab saya bercakap atas pengalaman saya sendirilah." Bila saya kenalkan diri saya ini Ahli Dewan Negara barulah saya diberi sedikit layanan dan bolehlah berjumpa pegawai di dalam, Tetapi kalau saya datang dengan cara biasa susahlah. Tetapi saya tidak suka macam setengah orang hendak tunjuk saya siapa, saya lebih suka atas nama individu diri saya, saya tidak hendak saya ini Ahli Dewan Negara dan orang lain tengok kenapa saya ini dapat kemudahan dan orang lain tidak.

Jadi, kalau inilah layanannya, tidak mustahillah ada setengah orang kena tipu kerana hendakkan kemudahan gunakan orang tengah kerana orang tengah menjaminkan, menjanjikan, "awak hendak jumpa, boleh bawa. Awak hendak berapa permit, kita boleh tolong jumpa orang dalam." Inilah yang jadi. Bila dia gunakan orang tengah, orang tengah sapu duit dia, ke sana pun tidak, ke sini pun tidak akhirnya dia menerima kerugian yang besar.

Saya kira layanan di kaunter-kaunter sedang diubahkan coraknya dan saya dengar Kementerian ini telahpun mengezonkan kawasan selatan, tengah dan utara di mana Lembaga Pelesenan ini meletakkan kaunter-kaunternya di tempat-tempat yang berkenaan dan saya harap jugalah apabila jabatan ini telahpun mengatur zonnya yang sedemikian ini, perkara-perkara yang saya katakan tidak akan berulang lagi. Kita kata kita menyahut saruan daripada perdana Menteri, "Bersih, Cekap dan Amanah", tetapi apa yang kita lakukan saya rasa, saya tidak katakan mereka tidak amanah, tetapi saya rasa mereka tidak cekap atau mungkin tidak mesra melayan orang-orang yang berurusan dengan pihak yang berkenaan itu.

Ini saya alami sendiri daripada pengalaman saya dan saya katakan tadi inilah sebab-sebabnya mengapa orang-orang tengah digunakan. Ada juga kita kedengaran bahawa melalui orang-orang tengah ini memang ada yang berjaya, yang dapat tetapi kebanyakannya ialah yang tertipu dan teraniaya kerana merasakan diri mereka sampai di situ tidak mendapat layanan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap hal-hal seperti ini akan diambil perhatian yang wajar oleh bukan sahaja Kementerian yang saya katakan tadi bahkan oleh semua Kementerian di mana orang ramai yang kerap berurusan dengan mereka. Semalam ada dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Azman bin Atar yang menulis tidak berhenti-henti

sampai jarinya pun lekuk. Maknanya berilah khidmat yang sewajarnya kepada orang ramai yang berurusan dengan Jabatan itu dan sekiranya hendak menolak atau mengarahkan, biarlah dengan cara yang sopan kerana tidaklah mereka itu dianggap antara seorang guru dengan murid. Ini dulu punya gurulah, kalau sekarang ini tidak juga, cikgu dulu dengan murid-murid, main tengking herdik. Itu saya rasa tidak sesuai bagi seseorang dewasa yang berurusan dengan sebuah jabatan yang sangat mustahak bagi mereka.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan masalah tanah terbiar. Kementerian Pertanian memainkan peranan yang tinggi saya rasa dalam usaha untuk membangunkan pertanian dalam negara ini. Tetapi jumlah tanah terbiar ini saya rasa masih besar dan masih luas lagi dan sesuatu yang perlu diambil ataupun dijalankan oleh Kementerian Pertanian ini haruslah dijalankan. Hari ini kalau kita pergi ke pasar-pasar kita terperanjat. Kalau kita nak beli sayur, kalau dulu harganya setakat paling tinggipun 70 sen sekilo ataupun 30 sen, tetapi hari ini sekilo sawi \$4.00 - sekilo sawi harganya \$4.00. Saya kira kalau usaha-usaha menggalakkan tanah ini tidak diusahakan lebih luas lagi, tidak diberi peluang kepada rakyat kita ini bertani ataupun kemudahan-kemudahan untuk berbuat demikian diberi, saya percaya nanti harus sekilo sawi akan meningkat \$10.00 atau \$15.00 kerana permintaan banyak tetapi pengeluarannya sangat berkurangan, kerana

keluasan tanah kita yang ada pada hari ini tidak boleh menampung dengan pertumbuhan rakyat yang begitu banyak, lebih-lebih lagi dengan kedatangan orang luar, termasuk pendatang haram atau pendatang tanpa izin ke negara kita inipun berpuluh-puluh ribu inipun dia nak makan sayur juga. Dia tidak hendak bekerja menanam sayur tetapi dia nak bekerja sebagai buruh, jadi diapun melibatkan juga dengan kenaikan harga ini. Jadi saya rasa tanah-tanah terbiar ini haruslah kita usahakan seberapa cara yang boleh, berilah kelonggaran kepada sesiapa yang berminat terutama sekali Pejabat Tanah. Pejabat Tanah inipun kadang-kadang kalau kita nak minta tanah, banyak sangat ceritanya. Kadang-kadang sampai tiga empat kali kita naik pejabat tanah, masih tak selesai lagi. Dan kalau ada pula yang benar-benar bersemangat nak kerjakan tanah itu, ada pula penguasa datang nanti, mereka dipanggil dan akhirnya mereka disaman. Jadi orang yang benar-benar hendak tanah tidak dapat, tetapi orang yang diberi tanah pula biarkan tanahnya jadi hutan belukar dan kadang-kadang pula menyimpan musuh yang boleh merosakkan tanaman orang lain."

Jadi ini saya rasa pihak yang berkenaan ambil tegas perkara ini supaya tanah diberi benar-benar kepada mereka yang berkehendakkan tanah. Kalau yang diberi tanah itu kerjakan dan membiarkan tanah itu, saya rasa, harus tanah ini dirampas balik dan diberikan kepada orang-orang yang memerlukan tanah. Dan juga satu kelonggaran harus diberi kepada petani-petani yang benar-benar berminat untuk bertani ini supaya seperti saya katakan tadi sedikit sebanyak akan dapat mengurangkan soal kekurangan bahan-bahan makanan terutama sayur-sayur yang saya katakau tadi yang sekarang telahpun sampai \$4.00 sekilo dan mungkin akan naik lebih tinggi lagi, kalau kita tidak terus mengambil langkah-langkah yang tertentu kepada pemulihan

ataupun memberi kepada mereka ini mengerjakan tanah yang terbiar yang ada di sekitar daerah mereka dan juga tanah-tanah yang seharusnya dibangunkan oleh pihak jabatan berkenaan kalau tanah itu luasnya lebih daripada 5 atau 10 hektar yang berkehendakkan tenaga ataupun modal yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan tanah-tanah yang ada di rancangan-rancangan FELDA. Keluasannya lebih kurang 200 ke 500 ekar yang masih ada di rancangan-rancangan FELDA ini. Sesuai dengan kelulusan satu undang-undang di mana Felda telahpun digalakkan untuk menjalankan perniagaan sendiri, saya percaya kalau FELDA hendak mengusahakan tanah-tanah yang lebih kurang 200 ke 500 ekar ini tentulah tidak ekonomik bagi sebuah syarikat yang besar seperti FELDA Plantations yang telahpun diluluskan. saya cadangkan supaya tanah-tanah ini diserahkan kepada orang ramai ataupun pemohon yang berkehendakkan terutama anak-anak peneroka yang menganggur yang telahpun ada keluarga di rancangan tersebut. Saya bercadang mereka ini diberikan tanah ini atas asas-asas kawasan yang tidak ekonomik di mana tanah ini diserahkan kepada peneroka ataupun anak-anak peneroka ini seluas lebih kurang 10 ekar seorang dengan rumah dibuat oleh mereka dan tidak payahlah dibuat oleh FELDA kerana kalau dibuat oleh FELDA mereka terpaksa membayar lebih kerana tanah ini di bawah lingkungan tanah yang tidak ekonomik. Kalau tanah ini diberikan, kita dapat

menambah bilangan. peneroka dan mengurangkan pengangguran yang saya kira paling tidakpun bagi sesebuah rancangan di Johor umpamanya ada pertambahan bagi sebuah rancangan antara 10 ke 15 orang. Tetapi kalau tanah ini terus dibiarkan kepada pengurusan FELDA pun, tanah ini tidak akan mendatangkan keuntungan ataupun pulangan yang baik kerana bilangannya kecil dan terpaksa mengeluarkan belanja pengurusan yang lebih tinggi. Inilah saranan saya Tuan Yang di-Pertua kepada pihak yang berkenaan supaya ini akan dapat dilaksanakan.

Akhirnya saya ingin menyentuh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berhubung dengan masalah mewujudkan satu Undang-undang Kesejahteraan Keluarga untuk melindungi daripada penganiayaan. Apa yang saya difahamkan undang-undang ini sedang digubal oleh peguam-peguam wanita.

Saya ingin menyentuh di sini kenapakah undang-undang ini digubal oleh peguam wanita sahaja. Kenapa tidak peguam lelaki juga? Saya rasa untuk keluarga bahagia ini, kita harus bersama kerana Tuhan menjadikan insan ini lelaki dan perempuan. Dengan adanya lelaki dan perempuan maka wujudlah zuriat yang akhinya menjadikan sebuah keluarga. Saya bukan merendahkan kebolehan wanita, saya percaya peranan wanita juga begitu penting dan ibu adalah wanita, tetapi bagus dan eloklah peguam-peguam wanita dan lelaki berunding sama untuk menentukan undang-undang yang digubal ini benar-benar memberi kebahagiaan kepada keluarga yang berkenaan kerana melakukan penganiayaan ini bukanlah sahaja kepada lelaki tetapi kedapatan juga wanita - ibu-ibu itu sendiri kadang-kadang ada terlibat dengan penganiayaan kepada keluarga mereka. Kalau kedua-dua pihak ini didudukkan di satu meja, tidaklah nanti undang-undang itu ada yang mengangap berat sebelah. Biarlah dia sama rata macam dacing simbol Barisan Nasional - parti Kerajaan hari ini,

Dengan kata-kata **itu**, saya mohon menyokong Rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan V. K. Sellappan.

4.41 ptg.

Tuan V.K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua_t, terima kasih di atas peluang yang diberikan. kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim mengumumkan bahawa Belanjawan 1992 merupakan satu Belanjawan yang sihat semasa beliau mengemukakan Belanjawan 1992 di Parlimen. Beliau menegaskan bahawa beliau telah menyediakan Belanjawan ini berdasarkan kepada cara hidup rakyat serta kekayaan rakyat. Cukai bagi rokok dan minuman, keras adalah dinaikkan, Dengan ini beliau telah membayangkan barangan utama keperluan rakyat tidak dikenakan cukai. Pengecualian cukai bagi harta pesaka membolehkan waris-waris mendapatkan harta pesaka tanpa sebarang kesusahan juga telah mendapat sambutan yang baik. Kadar menurunkan cukai bagi koperasi dari 5% ke 4% juga telah menunjukkan Belanjawan ini telah memberi perhatian sewajar kepada perkembangan koperasi di tanahair kita.

Boleh dikatakan yang gembira adalah golongan penulis yang telah dikecualikan, dengan izin, cukai royalty dari \$5,000 hingga \$12,000. Cukai setem bagi rumah murah yang belum disiapkan telah dikurangkan dari \$320 ke tidak melebihi \$100 di bawah rancangan rumah murah khas untuk pindahtemunya. Pengecualian cukai bagi kanak-kanak cacat dinaikkan dari \$1,000 ke \$1,500 telah membolehkan orang-orang cacat dan keluarganya membeli alat-alat sehingga \$3,000 adalah amat disanjung tinggi. Cukai bagi dokumen-dokumen perjanjian jual-beli telah dikecualikan.

Dengan menghapuskan berbagai cukai seperti di atas ini telah menggembirakan rakyat. Dengan ini Yang Amat Menteri Kewangan patut dipuji kerana membentangkan satu Belanjawan yang menjadi penjimat dan juga mengurangkan inflasi serta keberatan pembayaran cukai.

Dengan memandangkan keadaan. negara dan taraf pembangunan rakyat yang berterusan, Belanjawan yang disampaikan oleh Menteri Kewangan telah diakui dan diterima oleh semua lapisan rakyat tanpa dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, B.26. Sebilangan besar daripada Belanjawan. 1992 telah diperuntukkan bagi pendidikan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan, dan Menteri Pendidikan atas mengamalkan pra-sekolah di sekolah-sekolah yang terpilih di seluruh negara pada tahun 1992. Sejumlah 1,044 sekolah di seluruh tanahair terlibat dalam hal ini. 25,000 orang pelajar dapat peluang belajar dalam 1,000 buah Sekolah Kebangsaan, 725 murid dalam 25 buah SRJK(C) dan 375 murid dalam 5 buah SRJK(T). Ini telah menjadi satu amalan baik bagi Kerajaan bagi menolong golongan berpendapatan rendah kerana keselamatan dan kemudahan belajar bagi anak-anak mereka yang berumur 5 hingga 6 tahun terjamin. Saya di sini merayu Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan projek pra-sekolah ini di semua sekolah di seluruh Malaysia pada tahun-tahun yang akan datang. Kemudahan bilik-bilik darjah, guru-guru terlatih dan juga satu ko-kurikulum yang standard perlu dirancangkan. Pra-sekolah yang dijalankan oleh badan-badan seperti KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara dan lain-lain harus diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Pendidikan. Dengan ini pendidikan bermutu tinggi yang standard boleh diberikan kepada semua kanak-kanak di pra-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) yang menggantikan SRP adalah satu usaha Kementerian Pendidikan yang baik dan elok untuk mengelakkan murid-murid yang keluar dari

bangku sekolah pada umur 16 tahun daripada menceburkan diri dalam sebarang kegiatan yang tidak sihat. PMR akan membolehkan murid-murid meneruskan pelajaran mereka sehingga umur 18 tahun. Dengan ini mereka akan menambahkan lagi pengetahuan serta kemahiran kerja bagi mereka menuju ke Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan adalah satu kegiatan yang baik untuk menjamin pendidikan berkesan dalam dasar pendidikan di tanahair kita. Kementerian harus merancang supaya kursus dalam perkhidmatan ini tidak dijalankan pada hari persekolahan terutamanya semasa murid-murid sedang bersedia untuk menghadapi peperiksaan seperti UPSR, SRP, SPM dan STPM. Ini adalah kerana pembelajaran mereka akan terganggu apabila guru-guru yang terlibat dihantar untuk menghadiri kursus dalam perkhidmatan pada masa genting semasa murid-murid akan menghadapi peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga perlu menyentuh perkara-perkara berikut mengenai kegiatan ko-kurikulum di sekolah-sekolah. Kegiatan ko-kurikulum anjuran Majlis Sukan Sekolah-sekolah di semua peringkat kadang-kalanya dianjurkan pada waktu sekolah. Guru-guru yang terlibat termasuk guru besar terpaksa meninggalkan tugas-tugas mereka di sekolah untuk menghadiri kegiatan ko-kurikulum ini. Ini menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Untuk mengelakkan perkara seperti ini daripada berlaku, saya mengesyorkan supaya Kementerian Pendidikan menentukan seseorang guru yang terlibat sahaja dibenarkan menghadiri kegiatan ini dan mengeluarkan arahan supaya semua aktiviti ko-kurikulum ini diadakan pada hari cuti atau di luar masa persekolahan.

Saya ingin menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, bahawa masalah yang dihadapi pada masa ini oleh kaum keturunan India ialah mendapat pendidikan yang kemaskini. Banyak ibu-bapa keturunan India menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Banyak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, iaitu lebih kurang 530 buah sekolah, masih bertaraf sekolah bantuan modal kerana Kerajaan tidak memberi bantuan penuh kepada sekolah-sekolah ini. Saya merayu kepada Kerajaan mengambi langkah-langkah yang positif dengan kadar segera bagi menyediakan sistem pelajaran yang baik kerana banyak ibu-bapa keturunan India bergantung kepada Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil untuk memberi sistem pelajaran yang baik kepada anak-anak mereka. Antara langkah-langkah yang saya cadangkan ialah seperti berikut:

- (i) Menyediakan lebih banyak peruntukan daripada \$1,020 juta yang ditetapkan bagi sekolah-sekolah rendah dalam Rancangan Malaysia Keenam diagihkan kepada sekolah-sekolah Tamil dan diharap Kerajaan juga akan menyediakan peruntukan yang asing bagi sekolah-sekolah ini;

- (ii) Mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menukar taraf sekolah-sekolah yang bertaraf bantuan model kepada bantuan penuh kerajaan; dan
- (iii) Oleh kerana lebih banyak sekolah masih terdapat di ladang-ladang swasta, Kerajaan perlu meminta pemilik-pemilik ladang memberi sebidang tanah di kawasan sekolah secara ikhlas kepada Kerajaan.

Sekiranya langkah-langkah ini tidak mendatangkan hasil yang positif, saya cadangkan kepada Kerajaan agar menggunakan kuasa yang diperuntukkan dalam Akta Tanah baru-baru ini untuk mengambil kawasan tanah sekolah. Memandangkan adanya perhubungan baik di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan perlu meminta setiap Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia untuk mengambil perhatian dalam segala rancangan pembangunan di kawasan-kawasan sekolah untuk menyediakan tanah dan kemudahan asas bagi membina sekolah-sekolah baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Kerajaan bahawa peruntukan yang telah diberi kepada semua rancangan-rancangan dahulu tidak mencukupi sekiranya \$10 juta disediakan dalam Rancangan Malaysia Keenam bagi Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Peruntukan ini hanya mencukupi bagi membina lebih kurang 20 hingga 25 buah sekolah-sekolah baru yang terdiri daripada lebih kurang 750 orang murid setiap satu. Terdapat lebih kurang 300 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di tanah swasta yang memerlukan sekolah baru.

Selain dari ini, Kerajaan perlu menyediakan peruntukan panyelenggaraan, dengan izin, maintenance fund, tiap-tiap tahun untuk membaiki sekolah-sekolah yang sedia ada dalam keadaan teruk kerana di setengah-setengah sekolah, keadaan bangunan adalah tidak selamat. Menyediakan kemudahan asas dan taraf pelajaran yang baik di mana-raana sekolah adalah tanggungjawab Kerajaan manakala menggunakan segala kemudahan asas pelajaran adalah tanggungjawab rakyat. Oleh itu, saya harap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menaikkan taraf pendidikan di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, B.7 Lapangan terbang Antarabangsa yang Kedua. Saya bagi pihak penduduk Sepang ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memilih kawasan daerah Sepang untuk pembinaan Lapanganterbang Antarabangsa Kedua. Pembinaan Lapanganterbang Antarabangsa Kedua ini akan membangunkan kawasan Sepang dengan pesat. Penduduk daerah Sepang yang selama ini yang tidak dapat menikmati pembangunan pesat yang dijalankan di kawasan-kawasan lain akan dapat merasakan pembangunan ini yang akan meninggikan lagi taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya sebutkan di sini bahawa dalam proses pembinaan Lapanganterbang Antarabangsa Kedua, Kerajaan Pusat mestilah memberikan perhatian yang serius kepada beberapa perkara, di antaranya ialah:

- (1) Kerajaan Pusat mestilah memberikan perhatian yang serius kepada bebarapa perkara apabila pembinaan Lapanganterbang Antarabangsa Kedua di daerah Sepang dimulakan. Kebanyakan pekebun-pekebun kecil, peserta-pesarta, yang memiliki tanah di bawah rancangan tanah Kerajaan, dan pekerja-pekerja ladang sudah pasti akan mengalami kehilangan sumber pendapatan dan juga tempat tinggal mereka.
- (2) Dua buah sekolah Tamil, dua buah bangunan kuil Hindu, dua buah bangunan surau, gereja, empat buah balairaya dan sebuah tanah rizab Orang Asli akan dirobuhkan atau diambilalih oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengemukakan beberapa cadangan:

- (i) Dalam segala projek pembinaan yang kecil, Kerajaan haruslah memberikan keutamaan kepada penduduk tempatan di sekitar kawasan ini. Ini adalah supaya penduduk ini patut diberikan peluang untuk menambahkan pendapatan mereka. Sekiranya peluang diberikan kepada orang luar atau orang asing, maka penduduk tempatan ini akan kehilangan peluang untuk menambahkan dan memperbaiki pendapatan mereka.

- (ii) Kerajaan haruslah memastikan supaya tempat tinggal baru dan lebih selesa disediakan bagi mereka yang terlibat dalam rancangan ini terlebih dahulu sebelum rancangan ini dimulakan; dan
- (iii) Bagi kemudahan-kemudahan am seperti surau, kuil, sekolah dan klinik perlulah disediakan peruntukan lebih, terlebih dahulu untuk menggantikannya sebelum kemudahan ini dirobohkan.

Dalam proses pembayaran pampasan bagi pengambilan tanah di bawah rancangan ini, ingin saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya memberi kelulusan tambahan dalam jumlah bayaran daripada kes-kes pengambilan tanah dalam keadaan yang biasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai B.5, saya ingin minta kelainan untuk menyampaikan permintaan saya ke atas pengambilan pekerja-pekerja ke dalam Perkhidmatan Awam, Kerajaan merupakan majikan terbesar dan sehingga hari ini, kaum masyarakat India tidak diberikan perhatian yang wajar ke atas pengambilan pekerja-pekerja di sektor awam. Mereka diberikan perhatian di kumpulan-kumpulan pegawai-pegawai rendah dan pekerja-pekerja yang memerlukan tenaga badan. Kaum ini sangat berharap pengambilan kakitangan tidak terhad kepada kumpulan pegawai rendah dan pekerja-pekerja am tetapi di kumpulan-kumpulan profesional, semi-profesional, teknikal,

perkeranian dan pengurusan, memandangkan kaum India sangat miskin dan cuma mempunyai lebih kurang 1% harta benda negara dibandingkan dengan terlalu banyak kekayaan kaum lain. Peranan kaum ini dalam sektor swasta juga kurang memuaskan. Oleh kerana peluang yang diberikan dalam pemberian jawatan-jawatan penting di sektor swasta sangat berkurangan, mereka bergantung untuk masa depan kepada Kerajaan sahaja.

Selain dari itu, kaum ini digunakan untuk membekalkan tenaga badan di sektor swasta mahupun di sektor awam dan ada yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang tinggi tetapi tidak diberi perhatian sewajarnya.

Adalah diperhatikan baru-baru ini Kerajaan akan mengambil lebih kurang 30,000 orang kakitangan awam dalam jangkamasa 10 tahun yang akan datang dalam rancangan-rancangan negara, dan Kerajaan berhasrat membaiki ketidakseimbangan dalam sektor awam. Saya menyambut baik langkah-langkah Kerajaan untuk membaiki keadaan ini. Oleh kerana lebih kurang 20,000 orang kakitangan bukan bumiputera akan diambil untuk membaiki keadaan ini, saya sangat berharap Kerajaan akan memberi lebih keutamaan kepada kaum masyarakat India. Saya harap Jabatan-jabatan Kerajaan, Kementerian-kementerian, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam peringkat Persekutuan dan Negeri akan memberi perhatian yang wajar kepada kaum masyarakat India. Langkah ini akan menaikkan taraf dan gambaran Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, Sistem Saraan Baru (SSB) yang akan dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun depan kepada semua kakitangan Kerajaan adalah satu sistem yang sangat baik dan patut dipuji kerana dengan pelaksanaan sistem ini ia akan memberi peluang kepada pekerja-pekerja yang cukup rajin untuk menerima ganjaran seperti kenaikan pangkat dan juga kenaikan gaji. Apabila Sistem Saraan Baru (SSB) ini dilaksaaakan nanti, Kerajaan mesti memastikan sikap pilih kasih oleh Ketua-ketua jabatan tidak wujud. Untuk mengelakkan sikap **i n i**, Kerajaan harus menubuhkan satu Jawatankuasa (Panel) untuk mengawasi supaya sikap pilih kasih ini tidak dijalankan. Dengan ini hanya kakitangan yang benar-benar bekerja keras, rajin dan jujur akan menerima ganjaran yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.45. Negara kita sedang mengalami kekurangan tenaga buruh. Saya dengan ini memuji langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia untuk mengatasi masalah ini. Salah satu sebab utama wujudnya masalah mendapat tenaga buruh ialah kurang sambutan daripada sebilangan besar kalangan wanita yang menjadi suri rumahtangga kerana mereka tidak mampu untuk membayar penjaga-penjaga anak atau, dengan izin, babysitters. Oleh itu mereka lebih mengutamakan menjadi suri rumahtangga sahaja. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Sumber Manusia boleh mendirikan, dengan izin, day care centres atau pusat penjagaan kanak-kanak di kawasan-kawasan perindustrian. Dengan ini ramai lagi pekerja wanita boleh bekerja di kilang-kilang. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, rancangan seperti, dengan izin, day care centres ini sedang dijalankan di ladang-ladang.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa pekerja-pekerja ladang khususnya di Filipina, sebuah negara ASEAN, menerima gaji bulanan. Kita sebagai anggota negara ASEAN bolehlah mengamalkan sistem ini kerana pekerja-pekerja ladang di negara kita telah banyak menyumbang kepada kekayaan dan pembangunan negara dan mereka adalah rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.21. Saya juga mengambil kesempatan ini menyentuh sedikit-sebanyak mengenai skim-skim ansuran mudah yang dijalankan oleh syarikat-syarikat perniagaan barangan alat-alat elektrik dan perabot secara berleluasa. Syarikat-syarikat ini membekalkan barangan mereka tanpa deposit dan menentukan harga yang

paling tinggi sehingga dua atau tiga kali ganda apabila dibandingkan dengan harga tunai. Ini adalah menjejaskan golongan yang berpendapatan rendah sehingga mereka berada di dalam kesusahan kerana terlalu banyak hutang. Sekiranya perkara ini berterusan dan berleluasa maka rakyat akan ditindas dari segi ekonomi. Akibatnya kebanyakan daripada mereka akan menderita seperti masalah yang terdapat di dalam sistem kad kredit. Oleh yang demikian, sukalah saya merayu kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengambil tindakan serta menubuhkan satu rang undang-undang untuk menyekat rakyat jelata dari menjadi mangsa kepada syarikat-syarikat dan ejen-ejan yang menjalankan perniagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.44. Baru-baru ini RTM telah memperkenalkan satu program baru bagi kaum masyarakat India sebagai, dengan izin, alternative kepada Tumpuan Minggu yang telah ditamatkan oleh RTM pada tahun-tahun dahulu tanpa sebarang notis. Program baru ini dikenali sebagai, dengan izin, Nada Suara yang disiarkan mulai bulan Disember tahun ini. Saya menyambut baik usaha RTM memperkenalkan program baru ini kerana selama ini kaum masyarakat India telah membimbangkan nasib program Tumpuan Minggu yang telah banyak menarik perhatian dan mempunyai ramai penonton walaupun program ini disiarkan pada masa petang, di mana ramai penonton tidak

berpeluang menonton siaran ini. Saya sangat berharap siaran baru ini akan menjadi satu saluran untuk membaiki dan mengeratkan perhubungan antara Kerajaan dan kaum masyarakat India. Saya juga sangat berharap tumpuan akan diberi kepada pembangunan sosio-ekonomi dan adat-istiadat kaum India melalui siaran baru **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi pandangan-pandangan kaum India mengenai siaran program-program India di RTM. , Walaupun RTM menyiarkan program-program Bahasa Malaysia, Inggeris, Cina dan India untuk memenuhi kehendak-kehendak masyarakat tempatan di Semenanjung Malaysia, kaum India masih tidak berpuas hati dengan langkah-langkah RTM memberi perhatian kepada filem Hindi yang disiarkan selama 2 1/2 jam tiap-tiap minggu, sedangkan masa yang disediakan bagi program-program India tidak mencukupi. iaitu lebih kurang 5.5 jam diberikan kepada program-program India tiap-tiap minggu tidak termasuk Berita Tamil. Baru-baru ini RTM telah memperkenalkan program baru selama satu jam bertajuk Nada Suara mulai 21hb Disember 1991 ini. Dengan mengambilkira program baru ini, filem Hindi mengambil lebih kurang 38% daripada jumlah masa yang lebih kurang 6.5 jam tanpa mengira Berita Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, filem Hindi bukanlah filem India di negeri kami. Majoriti kaum India di sini terdiri daripada kaum Tamil yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda. Bahasa Hindi tidak digunakan oleh mana-mana masyarakat tempatan di sini .

Langkah-langkah RTM untuk menyiarkan filem-filem lain seperti filem Telugu, Punjabi, Malayalam bagi memenuhi masyarakat-masyarakat minoriti India adalah sangat dialu-alukan. Saya ingin memaklumkan kepada R.TM bahawa bahasa Hindi tidak mempunyai sebarang hubungan dengan bahasa Tamil ataupun dengan bahasa-bahasa tempatan lain di sini. Oleh itu tidaklah wajar untuk RTM menayangkan filem Hindi lagi. Oleh itu saya merayu kepada RTM supaya mengambil langkah-langkah yang segera bagi menamatkan filem Hindi atau sekurang-kurangnya mengurangkan masa yang diberikan kepada filem tersebut. Memandangkan masa yang disediakan bagi program-program berbahasa Tamil tidak mencukupi, RTM perlu mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menyediakan lebih banyak lagi program-program baru Tamil dengan menjimatkan masa yang diperuntukkan bagi filem-filem Hindi. Program-program ini mestilah mengambilkira perkembangan dan pembangunan bidang-bidang sosio-ekonomi dan adat-istiadat kaum masyarakat india dengan tidak mengambilkira kos perbelanjaan dan masa kerana kaum ini tidak banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kekayaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.39. Bagi sistem memperkenalkan kad pengenalan baru-baru ini, saya mencadangkan kepada Kerajaan untuk menghantarkan pegawai-pegawai pendaftaran ke kawasan-kawasan kampung, ladang-ladang dan luar bandar untuk kemudahan rakyat seperti yang telah dilakukan pada tahun 60an bila kad pengenalan plastik telah diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud 3.4. Bagi hasrat Kerajaan untuk mendaftar seberapa banyak pengundi-pengundi baru baru-baru ini, saya cadangkan kepada Kerajaan supaya perkara-perkara berikut diambil kira memandangkan sambutan yang tidak menggalakkan dalam tempoh enam bulan yang diberikan:-

- (a) Kerajaan perlu memberi publisiti yang banyak dan lebih luas melalui semua suratkhbar tempatan, radio dan televisyen..
- (b) walaupun publisiti yang lebih banyak diberikan, lebih banyak tempat pendaftaran pengundi, khususnya di luar bandar, di kawasan kampung dan ladang-ladang, perlu disediakan bagi kemudahan pengundi baru.
- (c) Mendidik rakyat mengenai betapa pentingnya mendaftar dirinya sebagai pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 28. Bank Negara telah mengambilalih pengurusan CCB atau, dengan izin, Cooperative Central Bank beberapa tahun dahulu. Bila CCB diletakkan di bawah, dengan izin, receivership, ramai yang menyimpan wang dalam CCB melalui simpanan biasa dan simpanan tetap adalah rakyat miskin dan simpanan mereka telah diletakkan dalam keadaan, dengan izin, cold storage. Saya sangatlah berharap Bank Negara akan mengambil tindakan yang positif bagi meringankan beban rakyat miskin ini.

Dengan hujah-hujah dan pandangan-pandangan yang saya telah sampaikan tadi **ini**, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Belanjawan 1992. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut.

5.12 ptg.

Tuan Shuib bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1992 ini iaitu Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun ini.

Terlebih dahulu saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah begitu meneliti dan telah mengambil berat untuk membentangkan Belanjawan 1992 yang meliputi semua aspek untuk menolong rakyat di dalam negara ini. Dengan Belanjawan itu semua rakyat mengucapkan terima kasih dan mengucapkan tahniah sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya ingin menyentuh isu berhubung dengan pendatang tanpa izin ke negara kita. Sejak akhir-akhir ini kedatangan pendatang tanpa izin ini ke negara kita begitu menjadi-jadi. Disebabkan kawalan yang kurang ketat menyebabkan mereka begitu mudah datang ke negara kita tanpa permit perjalanan yang sah. Erti ini pendatang tanpa izin datang ke Malaysia bukan sahaja sebagai buruh atau pekerja malah mereka ini telah bergiat dalam bidang perniagaan.

Pembabitan mereka dalam perniagaan ini telah menimbulkan kegelisahan di kalangan kaum bumiputera terutamanya di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur ini. Peluang dan ruang-ruang niaga kaum bumiputera semakin kecil dan terpaksa bersaing. Oleh itu adalah disarankan agar pihak-pihak berkuasa mengambil langkah-langkah tegas bagi membendung gejala ini dari merebak. Pemberian lesen-lesen perniagaan perlulah diperketatkan dan tindakan Kerajaan mengenakan cukai levi ke atas pendatang-pendatang ini adalah satu tindakan yang bijak. Sekurang-kurangnya dengan tindakan ini kita dapat menanam pengaliran wang keluar kita ke negara di mana pendatang tanpa izin itu datang atau berasal.

Tuan Yang di-Pertua, isu dadah masih menghantui negara kita. Pada tahun ini sahaja, seramai 75 orang pelajar kita terlibat dengan penagihan dadah yang membabitkan, hampir 26 buah sekolah di Malaysia ini. Kalau dilihat dari data ini jelaslah bahawa ancaman dadah

semakin teruk di negara kita terutamanya di kalangan kanak-kanak sekolah yang mana kanak-kanak ini akan menjadi pemimpin di masa depan dan warisan kita. Kenapakah setiap tahun ancaman ini semakin meningkat? Apakah agensi-agensi yang bertanggungjawab memerangi dadah ini sudah tidak berfungsi lagi ataupun berkesan lagi dalam memerangi ancaman dadah ini? Kerajaan dan orang ramai perlulah bekerjasama. Pihak-pihak berkuasa perlulah mengetatkan lagi kawalan-kawalan di sempadan-sempadan negara kita.. Didikan dan kounselling oleh agensi berkenaan mengenai dadah perlulah didedahkan kepada masyarakat dan para pelajar. Pihak Polis pula perlulah memberkas taukeh-taukeh dadah yang masih bermaharajalela. Dengan peruntukan yang besar yang diberi oleh Kementerian Dalam Negeri adalah disyorkan agar Kementerian dapat memperbesarkan pusat-pusat tahanan di seluruh negara. Ini kerana mengikut kenyataan Pengarah Ketenteraman Awam, pihaknya tidak boleh menangkap ramai penagih dadah kerana tidak cukup tempat tahanan,

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan memerangi dadah ini ada juga agensi Kerajaan yang sama ada sedar atau tidak telah menjadi penaja Konsert Superstar dari barat. Tujuannya untuk mengutip derma tabung pemulihan dadah. Pada hemat saya tindakan ini adalah bertentangan dengan aspirasi Kerajaan ini kerana, sepertimana kita sedia maklum, melalui konsert-konsert sebeginilah anak-anak muda kita terpengaruh dengan budaya kuning itu. Melalui konsep inilah pelakuan mengambil dadah dilakukan. Dan apakah kita sedar bahawa sudah ramai Superstar-superstar barat yang terlibat dengan dadah?

Oleh itu diharapkan agar agensi yang terbabit ini dapat mengkaji kebaikannya tentang konsert-konsert sebegini.

Ketika pelajar kita di dalam negeri menghadapi bahaya ancaman dadah, pelajar-pelajar kita di luar negara kita pula tersua dengan berbagai ancaman. Antaranya adalah ancaman keselamatan, ideologi politik dan dakwah. Saban tahun pelajar kita yang dihantar ke luar negeri semakin bertambah. Mereka ini ditaja oleh MARA, JPA ataupun Kementerian Pendidikan. Namun apa yang amat dikesali ialah sikap penaja yang lepas tangan. Berhubung dengan tempat kediaman para pelajar, bagi pelajar baru mereka teraba-raba mencari tempat tinggal. Pergerakan para pelajar tidak diselia dengan begitu baik. Lantas dengan itu timbullah cerita para pelajar Islam bersekedudukan, anti-Kerajaan dan sebagainya. Dalam hal ini, saya ingin bertanya di manakah perginya pegawai-pegawai di MSD atau di jabatan yang menjaga hal ehwal pelajar kita ini. Akhir-akhir ini juga keselamatan para pelajar Malaysia sering terancam. Mereka terlibat dalam kes rompakan, peras ugut dan lain-lain.

Pada bulan September yang lalu seramai 4 orang pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti Miami, Florida telah dirompak di tempat penginapan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ramai juga pelajar kita di Seberang Laut yang meninggal dunia akibat kemalangan jalanraya. Begitu juga dengan kemalangan jalanraya di negara kita. Meskipun sudah ada kempen-kempen jangan jadikan jalanraya sungai maut, namun kadar kematian akibat kemalangan jalanraya cukup tinggi. Sejak daripada 10 tahun yang lalu hampir 53,000 orang pengguna jalanraya telah terbunuh. Angka ini membayangkan satu tragedi maut yang cukup tinggi. Kenapa terjadi begini? Apakah Undang-undang jalanraya kita masih longgar? Kenapakah berlaku kemalangan jalanraya? Yang mati hanya penunggang motosikal, pejalan kaki, penunggang basikal ataupun kereta, sedangkan pemandu lori ataupun bas hanya ditimpa kemalangan ringan. Memandangkan kepada situasi ini saya syorkan agar mana-mana pemandu lori atau bas atau kenderaan berat yang terlibat dalam sebarang kes kemalangan jalanraya, Kementerian Pergangkutan hendaklah menggantungkan lesen pemandu tersebut. Sistem ini telahpun dipraktikan di Thailand dan ianya telah memberikan kesan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai isu pencemaran alam sekitar. Saban hari kita mendengar dan terbaca di akhbar-akhbar tentang berbagai kejadian pencemaran alam sekitar yang telah dilakukan oleh manusia. Udara dicemari oleh asap kenderaan

ataupun melalui pembakaran. Sungai dicemari dengan pembuangan sampah-sarap, pembuangan bahan kimia, toksid dan sisa-sisa radio-aktif. Jalanraya ataupun kawasan-kawasan kediaman dicemari dengan pembuangan dan longgokan sampah oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Pencemaran alam sekitar ini semakin hari semakin menjadi-jadi. Mereka yang melakukan pencemaran ini tidak pernah merasa takut ataupun bersalah. Oleh itu adalah disyorkan agar Kerajaan mengenakan denda ataupun compound yang tinggi kepada mereka yang melakukannya.

Mungkin disebabkan undang-undang yang tidak ketat, menyebabkan mereka yang melakukan pencemaran ini terlepas dari hukuman, tetapi akibat dari perbuatan mereka yang mencemar alam sekitar, orang lain yang menjadi mangsa. Pembuangan sampah dari bahan kayu lebihan ke dalam Sungai Langat oleh sebuah kilang papan menyebabkan nelayan yang menternak ikan dalam sangkar mengalami kerugian beribu-ribu ringgit. Semua hasil ternakannya mati akibat pencemaran ini. Begitu juga yang dialami oleh nelayan-nelayan di Kuala Juru, Seberang Perai. Akibat pencemaran air Sungai Juru oleh kilang-kilang di sekitar kawasan tersebut, menyebabkan hasil ternakan kerang dan tangkapan ikan di kawasan itu merosot.

Tuan Yang di-Pertua bagi memajukan lagi sektor perikanan, adalah disyorkan supaya pihak Kementerian Pertanian mengadakan Pusat Maklumat Perikanan. Sejak dari merdeka hinggalah sekarang, penge-

tahuan berhubung dengan teknik-teknik penangkapan ikan cara baru belum pernah didedahkan kepada nelayan secara normal. Nelayan didedahkan secara non-formal. Meskipun Kerajaan menghantar pegawai-pegawai berkursus menimba ilmu di negara-negara maju dalam industri perikanan, namun ilmu pengetahuan yang ada pada pegawai-pegawai tersebut tidak sampai kepada sasarannya. Oleh itu, dengan adanya Pusat Maklumat Perikanan ini di kawasan-kawasan nelayan, maka dapatlah mereka membaca, melihat dan bertukar-tukar fikiran mengenai perikanan. Berhubung dengan tindakan Kementerian Pertanian mengenai kad pendaftaran nelayan, ianya merupakan satu langkah yang bijak dan melalui sistem inilah Kerajaan dapat membuat seliaan dengan berkesan dari segi pembangunan, kebajikan dan masa depan nelayan.

Berhubung dengan sektor pertanian dan perikanan ini, juga saya ingin mengesyorkan agar agensi-agensi Kerajaan yang terlibat di dalam kedua-dua sektor ini menubuhkan Pusat-pusat pengeluaran benih untuk dieksport baik benih tanaman, benih ikan ataupun benih ternakan. Ini kerana bidang ini boleh menyumbang pendapatan yang besar kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat berminat mengenai masa depan industri filem tempatan di mana kita sedia maklum, industri ini telahpun berakar umbi sebelum kita mencapai kemerdekaan sehinggalah sekarang. Namun setelah 34 tahun, industri ini masih belum di-monopoli oleh kaum bumiputera. Kaum bumiputera hanya menjadi pelakon

dan pengarahnya sedangkan penerbit, pengedar dan pawagam dimonopoli sepenuhnya oleh kaum-kaum lain. Berdasarkan kepada kedudukan ini ternyata di dalam industri inipun kaum lain yang banyak mengaut keuntungan. Oleh itu adalah disarankan agar bank-bank perdagangan dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri serta UDA, tampillah ke hadapan bagi membina pawagam-pawagam untuk dijual secara sewa beli kepada pengusaha-pengusaha bumiputera. Hanya dengan tindakan sebegini sahajalah kita akan dapat melihat kaum bumiputera turut menikmati hasil dari perkembangan industri filem negara.

Menyentuh tentang filem ini, saya juga ingin menghubungkan dengan filem Jabatan Penerangan atau dengan lain perkataan ialah peranan Jabatan Penerangan dewasa kini. Teringat saya pada sebuah rencana di dalam UTUSAN MALAYSIA yang berbunyi "Jabatan Penerangan Seperti Seekor Dinasor yang kehilangan kuasanya". Saya amat bersetuju dengan penulis tersebut. Dahulu di waktu kita berusaha mencapai kemerdekaan, peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh Jabatan Penerangan ini amatlah besar. Jabatan ini juga turut membantu Kerajaan dalam menumpaskan gerakan Komunis di zaman darurat. Dengan adanya peranan yang dimainkan dengan begitu berkesan sekali maka Kerajaan telah berjaya menarik sokongan rakyat untuk menumpaskan komunis. Hari ini mungkin zaman telah berubah. Peranan Jabatan ini semakin tidak berfungsi lagi. Apakah peranan ini penting lagi dengan wujudnya sistem telekomunikasi yang lebih canggih.

Pada saya, peranan Jabatan ini masih penting, cuma pendekatan peranannya harus berubah mengikut kehendak semasa. Kalau dahulu wayang-wayang gambar Jabatan Penerangan mendapat sambutan dari orang ramai tetapi kini semakin kurang. Oleh yang demikian, Jabatan ini perlulah mencari idea-idea baru mendekati diri mereka dengan masyarakat kampung. Masih banyak lagi program-program Kerajaan yang belum difahami oleh rakyat. Jadi, di sinilah peranan Jabatan untuk menerang dan memahami fikiran rakyat. Filem-filem atau drama-drama yang mempunyai motif pembangunan fizikal dan mental sesuai dengan hasrat melangkah ke tahun 2020 perlulah ditonjolkan kepada masyarakat. Pegawai-pegawai Penerangan mestilah sentiasa penuh dengan ilmu pengetahuan.

Pada hemat saya, sekiranya peranan ini dijalankan dengan betul dan berkesan, maka timbul soal projek-projek Kerajaan tidak difahami rakyat ataupun tidak mendapat sambutan. Rakyat harus diterangkan mengenai sesuatu isu terutama sekali projek Kerajaan. Jika ini berjalan dengan sempurna, maka tidak timbullah cerita-cerita provokatif yang anti Kerajaan dan tohmah-tohmah palsu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh masalah kediaman rumah-rumah Kerajaan. Sejak 10 tahun yang lalu, Kerajaan tidak lagi memperuntukkan perbelanjaan untuk membina rumah-rumah baru untuk kakitangan awam terutamanya di sekitar Kuala Lumpur. Walaupun

begitu, Kerajaan telah mengadakan beberapa kemudahan pinjaman kepada kakitangan. Kerajaan untuk memiliki rumah sendiri. Namun apa yang sering terjadi ialah masih ramai lagi kakitangan awam yang belum mampu ataupun tidak mahu memiliki rumah sendiri, lantaran itu mereka ingin mendapat rumah-rumah Kerajaan. Tetapi rungutan diterima banyak terdapat - tak sampai ataupun tidak memuaskan hati mereka kerana ada juga berlaku sedikit-sebanyak pilih kasih dalam memberi peruntukan rumah-rumah Kerajaan ini. Saya berharap, pihak Jabatan Perdana Menteri dapatlah menyasat dalam hal ini supaya kakitangan pegawai rendah mereka juga dapat hak yang sama.

Begitu juga, saya suka menyentuh di dalam Kementerian Belia dan Sukan. Kita lihat pada Menterinya begitu cergas, segak orangnya dan begitu rajin bekerja untuk rakyat terutama di kalangan belia. Tiap-tiap tahun kita tahu hampir 300,000 pelajar-pelajar atau-penuntut-penuntut yang keluar meninggalkan bangku sekolah. Mereka yang bernasib baik dapat pergi ke universiti untuk melanjutkan pelajaran dan mereka yang nasibnya kurang baik, mereka jadilah penganggur di kampung-kampung. Di mana belia-belia ini akan pergi? Siapakah yang akan membendung mereka, membawa mereka bekerja? Sudah tentulah Kementerian Belia dan Sukan. Apa yang saya dapat tahu pada hari ini, mereka yang tinggal di kampung-kampung tidak ada sabarang pekerjaan; mereka manganggur dan menunggu peluang kerja. Kadangkalanya ambil upah atau ikut apa yang disuruh oleh pihak tertentu. Tidak bolehkah Kementerian Belia mengadakan ataupun mengkaji semula pegawai-pegawai belia di daerah-daerah kerana saya

dapati sekarang Pegawai Belia amat berkurangan. Satu daerah di Kubang Pasu hanya ada dua orang pegawai. Belia-belie yang berdaftar telah ditamatkan pendaftarannya, tidak ada sesiapa yang akan masuk ke kampung untuk memulihkan dan menolong mereka ini bergerak semula. Sedangkan wang untuk membeli bola, membeli baju tidak ada.

Jadi, apakah kita hendak biarkan belia-belie ini bertaburan di kampung-kampung? Di mana untuk mengadakan nasib mereka? Mereka mencari-cari tempat mereka hendak bergantung. Ayah dan ibunya pula susah. Mereka berkehendakan pakaian, berkehendakan kemewahan, berkehendakkan kemakmuran apa yang ada di negara ini, tetapi mereka masih ramai tidak bernasib baik. Oleh sebab itulah ada belia-belie kita yang lari pergi ke sempadan kerana belia-belie kita yang tidak ada pekerjaan, pergi mengambil upah, kadang-kadang bawa dadah ditangkap.. Kemudian Kerajaan keluarkan duit begitu banyak untuk melatih mereka untuk maulihkan mereka. Tidakkah boleh wang yang begitu banyak itu diberi untuk latihan yang secukupnya pada belia-belie yang menganggur ini? Kadang-kadang kita sedih dan mengalirkan airmata, banyak belia-belie yang tidak tentu arah ke mana hendak pergi. Bila kita minta bantuan kepada Pejabat Belia dan Sukan untuk mengadakan sukan untuk sesuatu daerah yang mana lebih 2,000 dijangka hadir, jawab Kementerian Belia tidak ada peruntukan.

Inilah kita harapkan, kita kena pentingkan nasib belia-belie kita. Kalau kita pergi keluar negeri duit itu ada banyak, tetapi

belia di kampung, mereka ini meraba-raba hendak mencari-cari pendapatan, tetapi bila mereka berpakat hendak menubuhkan satu persatuan, kena daftar persatuan \$30 pula, duitnya tidak ada, derma sana, derma sini. Bila hendak beli baju, hendak pohonkan duit lagi, hendak beli bola sepakraga, hendak beli net atau jaring untuk sukan, semuanya kena duit. Tidakkah boleh kita pergi melihat atau ada satu badan penyuluh melihat bahawa ramai belia-belia di seluruh negara kita ini, oleh kerana kita sedar nasib mereka. Boleh jadi orang tidak tahu menceritakan susah kalau dia tidak pernah menghadapi kesusahan, dan begitu juga susah kita hendak menceritakan bagaimana sakit bisul kalau kita belum kena penyakit bisul. Lantaran inilah saya menyarankan kepada Jabatan Belia dan Sukan, kita banyakkannya wang untuk menolong belia-belia kita. Sebab hanya orang kampung yang tahu menceritakan hal ini. Kadang-kadang saya pergi ke kampung-kampung, mereka minta, "Yang Berhormat, mintalah baju jersey. Kami hendak main bola." Saya kata, Kementerian Belia kita ada, kenapa mereka tak boleh beri? Jadi bermacam-macamlah jawabnya di mana Jabatan Belia kata, tahun ini tidak ada peruntukan, duit sudah habis. Kita patutlah cari duit, duit kita banyak. Kita lihat pegawai-pegawai kita semua naik gaji, swasta semua naik gaji. Tolonglah tengok sama belia-belia di kampung-kampung. Mereka ini juga datang memohon-mohon, meminta-minta, berdoa kepada kita hendak juga mendapatkan kepuasan mereka. Mereka juga di masa lapangnya mahu main bola tetapi tidak ada duit, pecah bola, siapa yang

hendak beri duit. Banyak lagi masalah, saya boleh jelaskan. Sebab saya pergi ke serata kampung dalam negeri Kedah, saya tahu semuanya atas pengalaman saya. Dengan sebab itulah, saya berharap Kementerian Belia dan Sukan, perbanyakkanlah pegawai-pegawai belia ini. Dan melalui pegawai-pegawai yang ada, kalau ada belia-belia sama ada di MAYC, 4B, ABIM, atau GPMS, berilah peruntukan yang banyak untuk petitadbiran mereka dan pegawai-pegawai ini boleh pergi ke kampung-kampung memberikan penerangan dan penjelasan berhubung dengan dasar-dasar Kerajaan, supaya mereka tahu peranan mereka sebagai belia harapan bangsa dan pemudi tiang negara.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, panjang lagikah?.

Tuan Shuib bin Eudut: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua-tiga perkara lagi hendak cakapkan.

Tuan Adam bin Kadir: Silakan.

Tuan Shuib bin Endut: Satu, saya hendak sentuhkan sedikit berhubung dengan isteri ataupun balu-balu. Selalu kita melihat dalam akhbar dan banyak orang menyentuh soal ini. Dalam Dewan ini mungkin Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri Sumber Manusia ada menjawab mengenai seseorang isteri iaitu apabila suami meninggal dunia isterinya mendapat ganjaran pencen, tetapi kalau isteri itu berkahwin semula, maka hilanglah wang pencen untuk saraan hidupnya. Kemudian, kata Yang Berhormat itu, tak usah kahwinlah. Saya fikir, itu tak betul.

Kita lihat Angkatan Tentera ditimpa accident sewaktu berjuang di sana, muda-muda lagi, dalam umur 20 tahun suaminya meninggal. Dia tinggalkan isterinya berumur 19 tahun. Tidakkah boleh dia kahwin semula? Cuba lihat, biarkah dia begitu kerana hendak mengambil wang persaraan itu. Kalau kahwin duit tidak dapat, jadi dia terpaksa jangan kahwin. Sanggupkah kita melihat anak-anak muda kita macam itu? Apa akan terjadi nasib dia, nafsu dia, dia juga mahu hidup bahagia macam kita, Tetapi kalau dia kahwin, duit tidak ada, suami pun tidak ada kerja, makan rokok tulis. Makan rokok tulis itu maksudnya, dia makan hutang, harap isterinya bayar. Tiap-tiap bulan isterinya bayar, sebab suami tidak ada kerja. Saya hendak bercakap pun masa-masa

Tuan Adam bin Kadir: Setiausaha Parlimen mana yang berkata macam itu Yang Berhormat?

Tuan Shuib bin Endut: Dalam masa menjawab, Setiausaha Parlimenkah atau siapakah dalam Dewan ini juga baru ini sahaja, saya tidak ingat, tetapi dia kata tidak usah kahwinlah.

Tuan Adam bin Kadir; Mungkin dia bergurau agaknya.

Tuan Shuib bin Endut: Barangkali juga, itu terpulanglah.

Jadi maksud saya kita kena fikir, ada setengahnya saya dapat tahu, dia hendak menghilangkan namanya itu supaya jangan dipotong pencennya oleh Kerajaan maka terpaksa dia pergi ke seberang laut,

seberang sempadan dan kahwin di sana. Dengan cara itu Kerajaan tidak tahu, dan Kerajaan tidak tahu dan tidak memotong wang persaraannya.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, sempadan mana?

Tuan Shuib bin Endut: Thailand.

Tuan Adam bin Kadir: Oh!

Tuan Shuib bin Endut: Di sana boleh, cuma sekarang ini dibuat syarat barangkali kena cop balik, itu yang susah sedikit. Jadi, dalam hal inilah saya minta timbang semula, kita kasihan kepada mereka.

Saya fikir cukuplah ucapan saya, dengan sebab masa sudah lewat, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saya telah menunggu dua hari hendak bercakap.

Tuan Adam bin Kadir: Saya pun nampak juga itu.

Tuan Shuib bin Endut: Dengan ini saya menyokonglah Rang Undang-undang ini.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah. Puan Hajah Salbiah dahulu pun juga ada menyebut tentang janda-janda ini, hendak sambung lagi boleh juga.

5.43 ptg.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun ingin menyokong suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Sebagaimana rakan-rakan saya tadi, saya juga menyokong penuh di atas Rang Undang-undang ini dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan kerana ucapan sulungnya membentangkan Belanjawan di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Kewangan yang telah memberkati taklimat kepada Ahli-ahli (Senators) untuk membicarakan Belanjawan pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara terutama sekali kita yang duduk dalam Parlitnen **ini**, kita sentuh sedikit apa yang berlaku di dalam Dewan ini. Kadang-kadang saya tertawa sendirian melihatkan keadaan. Kalau kita lihat di segi soal jawab dalam Dewan **ini**, dalam sesi ini sahaja, saya telah terdengar seolah-olah dialog semacam orang berjual-beli barang di pasar ataupun di kedai. Dialognya macam ini.

Tuan Adam bin Kadir: Bargantung pula barang apa yang hendak dijual.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Jual barang, kalau kita barang perhiasan, kalau hendak sebut sayur ikan itu rendah sangat. Kita katalah barang perhiasan, perkakas rumahkah atau kain bajukah atau barang emaskah. Jadi, yang si pembeli ini Ahli-ahli yang menyoal, yang sipenjual ini, yang tukang jawablah. Dialognya begini, dia pun soal: "Boleh tidak kurang, harga ini berapa? "Harga

ini \$15". "Boleh tidak kurang harga ini?" "Kurang sedikit bolehlah." Saya kata: "Minta kuranglah, setengah harga, tinggal \$8 umpamanya daripada \$15." "Tidak usah macam itulah, kalau sekiranya 'lu' ada itu barang, beri saya belilah." Macam itulah dialognya lebih kurang, betul atau tidak saya cakap?

Umpamanya macam tadi, kita minta supaya puas hatikah Kementerian Penerangaa di dalam Drama, sebabnya kita pun kadang-kadang duduk di rumah tengok juga Drama, tidak teringin hendak tengok. Selalunya kisah bergaduh suami isteri, jemu Selalu kisah rumahtangga yang pincang, Selalu kisah anak-anak yang tidak mendengar kata ibu bapa. Tidak pernah ditunjukkan, ditonjolkan macam mana cari jalan hendak berniaga. Kalau saya sebut kaum nanti marah orang.

Tuan Yang di-Pertua, anak-anak muda kita, pukul 6.00 ini tidak berjalanlah, ataupun isteri-isteri duduk di rumah, tunggu televisyen, kalau tidak tengok Channel 2, tengok TV3, Drama Kantonis - orang Cina, seronok. Memberi pelajaran, keluarga, macam mana hendak berniaga, macam mana hendak mencuri berniaga, semua ditunjuk di situ. Kita ini tidak ada, asyik dialog pasal keluarga, bergaduh, selepas itu mengurat - minta maaf, selepas itu hendak beristeri dua, itulah yang banyak.

Tuan Adam bin Kadir: Saya ingat Yang Barhormat Puan Hajah Salbiah minta maaf kepada Yang Barhormad Tuan Azman Atar, tidak ada kena-mengena di situ. Tidak ada?

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Tidak ada, dia baik dengan saya.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Presiden, saya minta penjelasan sedikit.

Tuan Adam bin Kadir: Baiklah.

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya tidak sangkalah macam Yang Berhormat inipun masih ingat lagi perkara-perkara mengurat. Jadi, siapa yang mengurat yang di maksudkan oleh Yang Berhormat tadi, saya hendak tahulah.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, Drama, bukan kita ini. Kita ini telah lepas sudah bahaya itu, Jadi, Drama-drama yang hendak ditonton oleh beribu manusia di dalam negara kita ini. Itu yang saya tanya, adakah Kementerian Penerangan sudah berpuas hati. Jawabnya: "Supaya saya pun menulis skrip." Tidakkah itu macam dialog orang berjual beli? "Kalau 'Lu' ada, 'lu' boleh jual murah, saya berilah, saya beli semualah." Macam itukah, mengapa begitu.

Ada satu lagi rakan sajawat saya dahulu bertanya kepada satu Kementerian, jawabnya; "Jika sekiranya Ahli Dewan Negara boleh memberi sumbangan kepada negara." Apa kami ini tidak pernah memberi sumbangan kepada negara? Saya hendak bertanya. **[Tepuk]** Umur saya sekarang sudah lebih 61 tahun.

Tuan Adam bin Kadir: Tidak ada orang yang tahu itu, ramai di sini sangka tidak sampai - jauh lagi daripada itu. Ini pecah rahsia ini. [Ketawa]

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Kita berjuang, kita aktif di dalam politik daripada tahun 1962 sampai sekarang tidak jemu-jemu. Kalau tidak memberi sumbangan kepada negara, tidak masuklah dalam Dewan ini, kalau tidak ada sumbangan kepada negara. Itukah jawapan, sebab dia boleh pergi keluar negeri. Kalau tidak ada sumbangan daripada rakyat dan juga UMNO, mungkin Wakil rakyat itupun tidak menang, jangan cakaplah.

Kalau kita hendak bercakap, jangan kita rasa orang itu terlalu rendah. Biar berlapik cakap itu lebih baik. Kita pun manusia juga. Hari itu saya hendak buat soalan, Speaker tak nampak, kalau tidak, saya sudah hendak tanya, tetapi tak boleh lepaskan hari itu, hari ini saya lepaskanlah. Ini yang terjadi di dalam Dewan kita, kadang-kadang sungguh menyedihkan juga.

Saya ada banyak lagi hendak bercakap berkenaan dengan Bil ini. Saya baru hendak pergi kepada satu-satu Kementerian. Jabatan Perdana Menteri ada beberapa bahagian. Saya ucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Hal Ehwal Agama yang telah tidak berhenti-henti mengadakan seminar, menunjuk ajar terutamanya kepada wanita bagaimana menjaga kesihatan, bagaimana menjaga keluarga, bagaimana menjaga kasih sayang dalam seminar yang sedemikian rupa. Maka dalam seminar itu kita pun telah membuat keputusan-keputusan yang akan dinikmati oleh wanita-wanita, kerana di dalam Belanjawan ini, program pembangunan wanita ada.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap fasal itu, saya hendak sambung sedikit. Dalam pembentangan Belanjawan ini, cukup asam garam, semua ada, wanita ada, pemuda ada, pendidikan ada, pembangunan negara ada, jimat-cermat menabung wang ada, membela wanita ada, masyarakat penyayang ada, belia ada, membantu fakir miskin pun ada, semua cukup. Apa yang kita kehendaki ialah

pelaksanaannya. Dengan wang yang sebegitu banyak, pada tahun 1992 beres, habis kerja pada tahun **itu**. Jadi, sempurna kerja kita dan wang kita pun tidak habis begitu sahaja.

Saya berpatah balik kepada Bil ini. Kepada wanita ini ada beza, kalau dia bekerja di swasta, lain. Kalau dia bersalin, dapat cuti dua bulan. Kalau bekerja dengan Kerajaan, dapat 42 hari, pantang orang Melayu, 44 hari, dua hari lagi Sudah pergi kerja. Lepas itu, kalau dia bekerja di hospital, sebagai nurse, dia juga dapat 42 hari. Kalau dia masuk hospital sebelum bersalin, dua hari kira 42 hari juga dengan yang 40 hari itu. Ini kurang senang, patut diubah,. sebab kita ada program pembangunan wanita, belalah wanita. Ini kena diperbetulkan, sebab orang kerja swasta dapat cuti bersalin 2 bulan, manakala kita 42 hari. Sebagaimana seminar yang telah saya katakan tadi yang dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri itu, kita telah membuat keputusan. Saya harap pada masa yang akan datang, perkara yang sedemikian rupa dilaksanakanlah. Janganlah kita selalu cakap, tak serupa bikin, kita tak mahulah, sebab kita makin maju, makin berjaya, makin kaya, makin hidup senang-lenang, maka kita patut menjaga keselamatan sedemikian rupa.

Saya beralih kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Bandar dan desa ini setiap tahun saya sebut, sebab saya orang kampung. Desa ini jaranglah terbela. Kalau jalan rayanya macam **itu**, macam itulah. Boleh tengok, kalau pecah, pecah begitulah, susah hendak diperbaiki. Bila pilihanraya, siapa undi? Siapa pengundi yang taat setia? Ialah orang-orang desa, orang-orang luar bandar. Contoh dan

buktinya apa? Kalau di bandar, DAP yang menang. Kalau di luar bandar, letak sahaja Dacing, mesti menang, dia tak tengok orang, dia tengok Dacing, tetapi mereka selalu ketinggalan di dalam pembangunan. Ini patut kita perhatikan. Apa sahaja yang kurang, patut diberikan, sebab kita telah merdeka sehingga 34 tahun, janganlah mereka tinggal di takuk lama juga.

Saya beralih kepada **B.16** Jabatan Bomba, Perkhidmatan Bomba. Ini juga banyak tempat-tempat yang tak ada, patut ditambah. Semasa kita mewallah boleh kita gunakan wang ringgit ini untuk membuat harta. Kalau kita buat Jabatan Bomba di merata-rata daerah, itu semua menjadi harta Kerajaan. Patut dibuat ini, menyenangkan rakyat. Kebakaran selalu, tetapi bomba hendak datang tolong, jauh. Ini juga patut ditambah peruntukan supaya dapat bomba ini ditambah kan di peringkat daerah-daerah supaya di semua daerah kita mahu ada bomba, bukan di satu-satu tempat sahaja.

Saya beralih kepada **B.20** berhubung dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri buat industri perkilangan. Saya pun berkesempatan juga melawat ke luar negeri tetapi tidaklah dengan duit Kerajaan, duit sendiri. Bukan kerana banyak duit, tetapi kerana besar hati hendak tengok juga orang pergi ke luar negeri, kita pun hendak pergi.

Tuan Adam bin Kadir: Negeri mana itu?

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Saya berkesempatan pergi mengikut rombongan wanita ke Amerika Syarikat. Saya lihat di sana tidak banyak kilang sebagaimana kita di sini. Kalau adapun,

jauh-jauh dari kawasan perumahan. Kita, dekat dengan kawasan perumahan. Lepas itu, sibuklah kita menjaga kebersihan alam sekitar, terutamanya macam di Kuala Lumpur **ini**, kadang-kadang kapal terbang tak boleh mendarat (landing). Kerana apa? Sebelum kebakaran di Indonesia dahulu, juga biasa ada kapal terbang yang tak boleh mendarat di sini, kebetulan saya sendiri kena.

Pada satu masa rombongan kita pergi ke Jakarta, naik dari Pulau Pinang, hendak turun di sini, Naik dari Pulau Pinang lebih kurang pukul 7.30 pagi, sepatutnya kita sampai di sini pukul 8.10 pagi, tetapi tidak dapat mendarat, berpusing, berlegar-legar di udara tiga buah kapal terbang, Airbus dan DC-10, kita pun kecut juga, berlegar di atas udara ketiga-tiganya beratur. Pusing punya pusing, tak boleh turun, balik ke Pulau Pinang. Tambang free, datang bayar, balik free, sebab tak boleh landing. Kemudian, pukul 9.00 baru balik ke Kuala Lumpur, masa itu belum terbakar di Medan lagi. Kalau kita sebut sesudah nanti, "Oh, kerana jerebu yang terbakar di Indonesia", itu mungkin jawapannya, saya boleh katakan siang-siang. Sebelum itu, sudah jadi. Kerana apa? Macam inilah saya kata, Kementerian Perdagangan buat kilang, Kementerian Sains dan Teknologi jaga, tak boleh, rakyat semua susah, belum tahu akibatnya lagi entah macam mana, untuk hendak mencari kekayaaa di negara kita **ini**. Kita kena perhati pada masa yang akan datang. Mungkin kerana itu agaknya, kita hendak besarkan lagi lapangan terbang, buat pula di Sepang dengan belanja yang banyak, baguslah.

Tetapi kita panggil orang masuk sahaja ke sini untuk membuat ini, kita tidak kaji keselamatan, tidak kaji asap daripada kilang yang boleh merosakkan kita. Sebab saya tengok di luar negeri tidak ada - tidak ada kilang dekat rumah. Tetapi di sini kita tengok pula di seberang sana kilang, di seberang sini kilang, di hujung sana rumah kita. Kawasan perumahan begitu banyak di sini. Daripada Kuala Lumpur ini sampai ke airport itu betapa banyak kawasan perumahan dan berapa banyak kawasan kilang? Jadi, perkara-perkara macam **ini**, betullah kita dahulu hendak membangun, tetapi pada masa yang akan datang sesudah kita berjaya, kita harus berhati-hati.

Saya sentuh lagi Kementerian Pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, pendidikan dalam negara kita ini sangat baik, tetapi ada satu dua perkara yang saya ingin nyatakan. Ini yang melibatkan kepada ibu-bapa kanak-kanak sekolah itu. Kalau sekiranya ada satu-satu perkara atau aktiviti yang akan dijalankan oleh sekolah, hendak melawatkah, hendak naik basikal atau hendak pergi lawan bola ke mana-manakah, maka guru akan beri surat kepada ibu atau bapa murid. Di sana tertulislah bahawasanya "Anak tuan meminta kebenaran, anak tuan akan dibawa ke sini, tetapi kalau sekiranya terjadi apa-apa, tidak ada tanggungjawab kepada pihak kami". Ini macam mana, macam mana kita hendak jawab? Ini adalah anak kita, tidak bolehkah ubah sedikit cara itu ataupun kita akan ambil berat sedikit, jangan begitu ringan seolah-olah macam tidak ada harga! Ibu bapa mesti

beri anak-anaknya pergi, kalau tidak beri nanti, dia bersekolah, beri nanti lain pula. Dia kena tandatangan. Kalau sebagai seorang ayah atau sebagai seorang ibu, perasaannya berbelah bahagi, tidak beri, anak hendak pergi, bila beri terjadi apa-apa, cikgu tidak ada bertanggungjawab. Macam mana ini? Ini harus diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan. Boleh periksalah mana-mana sekolah pun di Pulau Pinang ini berlaku, tempat lain saya tidak tahu.

Saya beralih pula kepada Jabatan Pertahanan Awam. Saya hendak beri peluang kepada ramai kawan-kawan, dan kalau saya berucap panjang-panjang nanti orang lain tidak berkesempatan. Saya rasa Jabatan Pertahanan Awam ini adalah satu badan sukarela yang banyak di sana. Ia ada "Ala Ketenteraan", tetapi elaun yang diberi kepada mereka itu amat menyedihkan. Saya didatangi oleh beberapa orang mengenai perkara macam **ini**, patut kita ambil perhatian. Negara kita sangat maju, orang bekerja sukarela tetapi ada orang lain yang kaya-raya, kita kena jaga, beri sedikit imbuhan yang lebih yang mencukupi. Kalau mereka hendak tambang baskah kalau mereka hendak naik teksikah, beri kerana itu hak kita. Macam tentera sukarela ini, entah berapa sen sahaja elaun mereka, tidak patutlah. Kalau zaman dahulu tidak apalah, tetapi sekarang anak kita bersekolah, kena belanja seringgit atau lebih, jadi tidak patutlah orang sukarelawan itu diberi begitu mudah.

Dan lagi satu Jabatan Penjara. Saya rasa hendaklah ditambah lebih banyak lagi pegawai-pegawai penjara ini sebab di satu-satu penjara itu, tahanan itu beribu-ribu, manakala pegawai penjaranya

setakat ratus sahaja, dua ratus atau tiga ratus sahaja. Fasal itulah banduan ini selalu lari, senang mereka keluar, kerana tak sempat hendak tengok - orang ramai. Setelah jadi begini kita salahkan dia, salah kita tidak nampak. Ini kena diperbaiki, tambah warder-warder, tentukan rumahtangganya jangan dia jauh menyewa macatn tentera kita itu juga, supaya tidaklah perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Kalau sudah lari pun kena mencari juga, susah juga, berhari-hari. Bukan sahaja pegawai-pegawai yang mencari itu susah, penduduk-penduduk di kampung pun susah, bimbang. Radio dan TV kita menyiarkan "Kalau ada orang macam iui, awasilah mereka". Ini semua menyusahkan. Kita harus cari satu jalan yang baik untuk memperbaiki keadaan, di mana yang kurang kita tambah semasa kita sedang berjaya ini.

[Tuan Yang di-pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya sudah sentuh Kementerian Penerangan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tadi. Saya beralih kepada Kementerian Pengangkutan, B.47. Saya hendak sentuh sedikit sahaja mengenai Keretapi Tanah Melayu. Saya selalu juga menggunakan keretapi, dapat duduk first class semasa menjadi wakil Ahli Dewan Negara **ini**. Pada masa dahulu, setahun dua tahun yang lepas, bila kita naik keretapi malam kita mendapat selimut, selimut kita masih panas lagi dan bersih, Bila kita datang kita baru koyakkan plastik selimut itu. Sekarang ini tidak, terbuka, was-was kita hendak pakai, entah siapa gunakan malam tadi, entahkan orang yang berpanau, kita sayang juga kulit kita, jadi kita tidak pakai. Ini apa sebabnya? Bukan semakin lama semakin hendak elok, ini semakin ditegur semakin menjadi. Ape sebab? Tolong perbaiki.

Saya ingin pula menyentuh pula kepada Kementerian Luar Negeri, B.51. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini, kepada Menterinya dan juga Timbalan Menterinya kerana telah memberi sambutan yang baik terhadap kami di waktu di luar negeri memberikan peluang-peluang dan juga memberikan jamuan makan. Kita kalau di sini orang jamu makan tidak besar hati sebab kita di mana mana dapat makan nasi, tetapi kalau kita pergi keluar negeri baru kita tahu mahalnya harga makanan itu. Bila ada satu-satu orang yang sambut kita, beri makan nasi, seronok. Jadi kita pergi keluar negari kita dapat sambutan yang baik di New York, Kedutaan kita beri jamuan makan malam, dapat bertemu-ramah, selepas itu wakil kita Yang Berhormat Dato' Musa pun beri makan, selepas itu Menteri kita sendiri pun beri makan nasi.

Pergi ke Washington pun wakil di Kedutaan kita di sana beri makan termasuklah isteri Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Yang Berhormat Dato' Haji Abu Hassan bin Omar .

Jadi harganya sangat tinggi dan kemesraan kita antara di dalam negeri dengan luar negeri itu lain rasanya. Ini saya mengucapkan terima kasihlah. Di luar negeri kita dapat lihat bagaimana keadaan orang-orang sana dan betapa bahagianya kita di dalam negara kita kalau dibandingkan dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara ini kita terlalu bermurah hati kita tidak tahu sekaya mana kita **ini**, tetapi kita murah hati, kerana budaya kita macam **itu**, budibahasa kita macam **itu**, tetapi kalau kita pergi keluar negeri, umpamanya kita naik kapalterbang. Kita naik kapalterbang dari sini sampai ke L.A tidak bayar satu sen pun. untuk melihat T.V kalau hendak tahu ceritanya - satu sen tidak kena. Kita naik sahaja kapalterbang di Amerika dia datang jual, kalau awak hendak, bayar US\$3. Turun kapalterbang hendak ambil troli masukkan US\$1, baru boleh dapat troli. Kita dari lapangan terbang ini sangat mewah, jadi kita tidak tahu sukat kita ini sekaya mana. Begitu punya murah. Kita beli barang kita tidak kena tax, tetapi di Amerika kita beli barang berharga \$1 pun kena bayar tax, inilah nikmatnya dalam negara Malaysia **ini**.

Seperti Yang Berhormat Tuan Azman Atar kata dia pergi keluar negeri, atas tiket macamana tidak tahulah, tetapi kita bayar sendiri kalau kita hendak pergi, kerana kita berjuang sudah sampai ke penghujungnya.

Kita hendak tengok di negeri orang bagaimana, negeri kita bagaimana, baru kita dapat bandingkan, tetapi peluang-peluang macam ini pada masa akan datang patutlah diberilah kepada Senator-senator ini - ini tidak, macam itulah jawapannya iaitu kalau sekiranya Senator-senator boleh memberikan sumbangan kepada negara boleh ikut. Ini amat menyedihkan.

Saya hendak menyentuh Maksud B. 54 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini saya rasa tidak mencukupi dengan peruntukan yang ada **ini**, kena tambah lagi, sebab luar bandar ini luas, rakyat jelatanya ramai, yang susah banyak di sana. Jadi kita hendaklah bantu, apa yang kurang beri, kerana merekalah orang yang taat setia pada negara ini, terutamanya pekerja-pekerja, pegawai-pegawai di Jabatan ini.

KEMAS saya sangat bersimpati dengan mereka, kerja bukan sebarangan, apa sahaja sanggup dibuat, hendak suruh bila hendak pilihanraya menjadi Ketua 10, siapa Ketua 10, inilah orang-orangnya. Siapa yang hendak kempen dari rumah ke rumah, siapa? Untuk hendak bekerja yang lain-lainnya, yang susah-susah, yang merata kampung **ini**, siapa? Mereka inilah, tetapi kita tidak tahulah semua mereka ini juga dinaikkan gajinya. Kita tidak tahulah, kalau naik alhamdulillah. Kalau tidak naik, tolong naikkan, kerana khidmat-khidmat mereka pada negara ini sangat besar ertinya, besar pengorbanan. Kalau ada pilihanraya kecil atau besar atau

pilihanraya umum, mereka tinggalkan rumahtangga untuk bekerja menjaga pengundi, menjaga ketenteraman, menjaga keseluruhan - dia buat kerja. Ini patutlah kita bertimbang rasa dan memberikan pelajaran kepada orang-orang kampung, sekarang ini kita tidak tahu orang-orang luar bandar dengan orang bandar kita tidak tahu, siapa punya jasa ini? Ini adalah pegawai-pegawai KEMAS **ini**, Pemaju-pemaju Masyarakat yang di kampung-kampung ini, suruh masak apa dia tahu, suruh bersolek macam mana dia tahu, suruh berjimat-cermat macam mana dia tahu. Jadi memang tepat sekali namanya KEMAS. Ini kita tidak dapat hendak bezakan mana satu orang kampung, ingatkan orang kampung rupanya orang bandar, ingatkan orang bandar rupanya orang kampung, ha! macam itu.

Begitu juga berkenaan pertukangan tangan ini, kraftangan ini mereka tahu, ini semua adalah hasil daripada mereka. Jadi patut kita berikan perhatian dan tambahan. Saya tahu mereka ini bekerja dengan tidak ada pencen, tidak ada apa-apa berhenti, masa bekerja ada duit, bila sudah berhenti besok tidak adalah, pencen tidak ada. Jadi patutlah kita mencari jalan.

Bila saya sebut pencen saya teringatlah seperti Tuan Yang di-Pertua, disebut tadi disuruh sambung, memang kita tiap-tiap tahun memperjuangkan pencen balu-balu ini. Saya sangat setuju macam kata rakan saya tadi, mengapa apabila dia kahwin dipotong pencernya? Ini perkara sudah lama, kita sudah perjuangkan semasa Menteri Kewangan yang dahulu Tun Daim, sampai dia kata ada setengahnya yang

mengatakan. bercakap di atas pengalaman, memang betul, bercakap di atas pengalaman.

Masa dahulu pencen ini berkuatkuasa 1.1.1970 (Suffian Report). Kalau suami meninggal dunia isterinya dapat pencen selama 12 1/2 tahun, dan selepas 12 1/2 tahun dipotong terus pencen itu. Tetapi di atas perjuangan wanita yang mana, yang tidak merasa dia tidak tahu, kita beri 'tiplah' kepada pemimpin-pemimpin kita tolong cakap dalam Dewan, sesudah itu. dapat pencen ini seumur hidup, tetapi selepas 12 1/2 tahun dipotong 30%, tetapi kalau kahwin habis - jadi tidak kahwin-lah.

Saya menyokonglah apa yang dikatakan oleh rakan saya tadi, kalau sudah kahwin pencen itu hak dia, suami dia punya dahulu, fasal apa kita potong. Dia hendak kahwin itu hak dia, biarlah dia kahwin. Jangan seksa wanita [Ketawa], jangan beri kita buat dosa kering sahaja, tidak fasal-fasal tanggung dosa, kerana negara kita negara Islam, bukan sahaja kepada orang Islam, tetapi kepada semua bangsa, macam itu, Selepas itu bila cukup tahun ataupun setahun dua tahun., datang surat lagi dari Bahagian Pencen tanya sudah kahwin atau belum? Jadi terpaksa pergi cari orang untuk memberi pengakuan yang dia ini tidak kahwin, malu atau tidak malu? Kepada saya sendiripun ditanya hendak kahwin atau tidak hendak kahwin? Saya hendak pergi pula cari orang lain, tolong rekomenkan saya ini tidak kahwin - malu Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah tua [Ketawa] kalau orang-orang muda itu manis juga, macam kita ini berat mulut tolong 'tandatanganan saya ini..... hendak keluar tidak boleh. Ini yang dialami oleh wanita sepatutnya diperbaiki. Jadi itulah yang saya perkatakan, Tuan Yang di-Pertua, dan sebelum saya duduk saya hendak memperkatakan sedikit perkara-perkara yang berlaku pada masa sekarang.

Kadang-kadang kita malu rasanya surat-suratkhabar pada hari ini - saya tidak bawa suratkhabar itu - banyak memperkatakan bintang filem. Bukan saya anti-bintang filem, tetapi lebih banyak berita mereka daripada berita kita dalam kedua-dua Dewan **ini**. Muka depan berita hangat-hangat, sangat malu. Tidak bolehkah sesiapa yang berkuasa tolong kendurkan cerita-cerita yang macam **itu**. Muatlah ke dalam sedikit. Kalau dibaca oleh orang-orang luar negeri, malu kita. Yang terlibat itu bukan calang-calang. Jadi, macam mana? Kadang-kadang muka Perdana Menteri kecil sahaja, muka bintang filem besar dekat sebelah sana, bercolour-colour. Cerita ini penting, mesej Perdana Menteri kita hendak sampai kepada rakyat, tidak bergambar. Tetapi sini baru gosip-gosip sudah berita besar-besar. Ini saya rasa patut Kementerian yang menjaga mengambil perhatian sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu lagi yang tertinggal, iaitu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Orang Asli dalam negara kita ini ada lebih kurang 35,000 orang. Peruntukan untuk mereka terlalu kecil. Kalau diperbesar **pun**, dipertambahkan lagi pun macam hujan tidak telap ke bumi. Ini patut diperhatikan. Saya mendapat saranan demikian. Kalau kita tambah perbelanjaan pun Orang Asli tetap macam itu juga, Di mana menyerap peruntukan itu, patut ambil perhatian, kerana 85,000 orang ini boleh jadi 100,000 orang pada masa akan datang. Kalau tidak perbaiki, macam mana keadaannya serta pelajaran dan kebaikan mereka, Kalau mereka duduk di satu tempat, satu kawasan pilihanraya atau dua kawasan pilihanraya Parlimen,

silap-silap, macam mana. Tetapi nasib baik mereka campur-campur. Kalau mereka duduk sesama mereka sahaja di satu kawasan, kalau tidak dapat perhatian sewajarnya orang lainlah punya kerusi itu. Ini patut kita ambil perhatian.

Jadi, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, memadamkan setakat itu kerana ada peluang-peluang yang lain kawan-kawan saya akan sentuh mana yang tertinggal dan juga saya dengan ini menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang yang telah saya perkatakan tadi berkaitan dengan Belanjawan 1992. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ng Peng Hay.

6.24 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1992. Tuan Yang di-Pertua, seperti kita maklum dalam ucapan Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu telah menyebut bahawa kadar pertumbuhan sebenar ekonomi kita bagi tahun depan dijangka kekal sekadar 8.5%, dan pendapatan per kapita meningkat kepada 37,400. Saya suka mengambil kesempatan ini dalam perbahasan saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kewangan kerana selepas saya meneliti ucapan Budget yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, didapati bahawa kadar pertumbuhan negara kita ini sedang mengadakan dalam keadaan ketat dengan mengadakan 8.5%. Dan baru-baru ini Kerajaan kita telah dapat menarik pelaburan daripada negara-negara asing dan juga pelabur-pelabur tempatan, faktor utama untuk sesuatu pelabur, atau pelabur asing yang memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan, adalah

kerana kestabilan politik di negara kita. Oleh yang demikian, saya suka mengambil kesempatan ini sebagai seorang Ahli Dewan Negara untuk menimbulkan sedikit berkenaan dengan keadaan kestabilan politik di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, agama dan kepercayaan adalah penting dalam kehidupan manusia, kerana dalam kehidupan manusia membuktikan bahawa tidak semua permasalahan hidup dapat diatasi atau diselesaikan melalui kemahirah atau ilmu pengetahuan. Dalam hubungan ini, khususnya MCA sebagai parti komponen Barisan Nasional sangat bertentangan dengan prinsip apa yang dilakukan oleh Kerajaan PAS di Kelantan. Sebagai sebuah parti dalam Barisan Nasional, MCA sentiasa menghormati agama Islam yang menjadi agama rasmi negara, tetapi tindak-tanduk, dasar dan pemerintahan PAS yang ekstreme sentiasa bersifat negatif terhadap kaum lain, langsung tidak menampakkan satu penyesuaian yang diperlukan dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia. Keadaan ini jelas apa yang berlaku di Kelantan. Saya suka mengingatkan PAS supaya tidak bermimpi untuk meminda Perlembagaan dan mentadbir negeri Kelantan sebagai sebuah pentadbiran mengikut fanatik pengikut-pengikut PAS yang ekstreme. PAS mestilah faham, Perlembagaan kita tersebut dengan jelas amalan kebebasan beragama dan kebudayaan, kerana masyarakat Malaysia adalah masyarakat majmuk. Oleh itu, sebarang usaha untuk menyingkirkan amalan biasa sesuatu kaum akan menjejaskan perpaduan kaum dan sifat harmoni yang telah terjalin begitu lama di kalangan rakyat Malaysia. MCA tidak rela PAS mengherat kelompok atau individu dalam masyarakat bukan Islam ke dalam kancah perselisihan isu politik mereka yang

ekstreme. Apa yang berlaku kepada masyarakat yang bukan Islam di Kelantan akan memberi maklumbalas yang jelas kepada masyarakat majmuk di Malaysia khususnya kepada pelabur dan pelancong asing. Keadaan begini akhirnya akan merugikan Kerajaan Kelantan dan juga Malaysia. Kerajaan PAS nampaknya lebih berminat buat masa ini membubar keadaan luaran yang mana tindakan itu untuk mengaburi segelintir penyokong-penyokong mereka, pada hal tindakan tersebut tidak sedikit pun dapat memperkemaskan penyesuaian pentadbiran dalaman yang lebih penting untuk faedah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah sambung ucapan pada hari Khamis, 26hb Disember?

Tuan Ng Peng Hay: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan "Merry Christmas" kepada ahli-ahli yang beragama Kristian, moga-moga semua ahli-ahli dapat bersama-sama keluarga semasa cuti Hari Natal ini.

Sekarang saya menangguhkan mesyuarat ini sehingga hari Khamis. 26hb Disember, 1991 mulai pada pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.